

Jilid I
Bil. 74



Hari Isnin
24hb Oktober, 1983

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10569]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 10608]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 10608]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Anwar bin Haji Ibrahim (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Mustaffa bin Mohammad (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 24hb Oktober, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat
Tuan Yew Foo Weng.*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Yew Foo
Weng tidak hadir)*PERDAGANGAN DUA-HALA
MALAYSIA—JEPUN/MALAYSIA-
KOREA SELATAN

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan pihak manakah yang mendapat lebih keuntungan dalam perdagangan dua hala antara "Malaysia-Jepun" dan "Malaysia-Korea Selatan". Berikan jumlah harga barangan yang diimport ke Malaysia dan dagangan yang dieksport ke Jepun dan Korea Selatan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, berdasarkan jangka masa dua tahun yang lepas, perdagangan antara Malaysia dengan Jepun adalah menguntungkan pihak Jepun. Pada tahun 1981 jumlah import Malaysia dari Jepun bernilai \$6,516 juta berbanding dengan eksport Malaysia ke Jepun bernilai \$5,727.6 juta. Ini menyebabkan perdagangan menguntungkan Jepun sebanyak

\$788.4 juta. Pada tahun 1982 import Malaysia telah meningkat lagi menjadi \$7,252.6 juta berbanding dengan eksport sebanyak \$5,721.8 juta sahaja. Ini menyebabkan kurangan perdagangan Malaysia dengan Jepun bertambah menjadi \$1,530.4 juta. Bagi tahun 1983 bagi dua bulan pertama, imbalan perdagangan masih menguntungkan Jepun sebanyak \$181.9 juta kerana Malaysia telah mengimport barangan bernilai \$1,093.5 juta berbanding dengan eksport sebanyak \$911.6 juta.

Kurangan dagangan yang dialami oleh Malaysia dengan Jepun adalah disebabkan kejatuhan kuantiti eksport beberapa jenis bahan utama Malaysia ke Jepun dan kejatuhan harga barangan berkenaan di pasaran dunia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Antara bahan-bahan utama yang terlibat termasuklah getah, bijih timah, minyak kelapa sawit, petroleum dan lada hitam. Oleh kerana lebih 90% daripada nilai eksport Malaysia ke Jepun adalah bergantung kepada bahan-bahan utama maka kejatuhan permintaan dari Jepun dan kemerosotan harga adalah memberi kesan yang besar kepada jumlah eksport Malaysia keseluruhannya.

Di samping itu import Malaysia telah meningkat terdiri daripada barang-barang seperti alat-alat dan kelengkapan pengangkutan, barang-barang keluaran kilang dan bahan-bahan binaan.

Kementerian saya telah dan sedang meneruskan usaha-usaha untuk memperbaiki imbalan perdagangan dengan Jepun. Aktiviti-aktiviti galakan

eksport ke pasaran Jepun dilaksanakan secara dua-hala, kumpulan serantau ASEAN dan juga berbagai hala. Antaranya termasuklah program menghantar rombongan perdagangan, penyertaan di pameran-pameran antarabangsa yang diadakan di Jepun, mengadakan pameran barang-barang Malaysia di Pusat Galakan Perdagangan Asean di Tokyo dan sebagainya.

Di samping itu perbincangan dan perundingan secara bilateral, regional dan juga multilateral terus diadakan dari peringkat pemimpin tertinggi Kerajaan hinggalah ke peringkat pegawai Kerajaan. Ini terutamanya untuk mengatasi atau menyelesaikan masalah-masalah dan sekatan-sekatan perdagangan di antara Malaysia dan Jepun, khususnya sekatan ke atas eksport barang-barang perkilangan Malaysia ke pasaran Jepun. Usaha-usaha ini telah membawa kejayaan kepada Malaysia di mana Kerajaan Jepun pada masa ini semakin melonggarkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarifnya.

Bagi perdagangan Korea Selatan dengan Malaysia pula, Malaysia bagaimanapun telah berjaya mengekalkan lebih perdagangan terus menerus. Pada tahun 1981, jumlah import Malaysia dari Korea Selatan bernilai \$379.7 juta berbanding dengan eksport Malaysia ke negara tersebut bernilai \$989.1 juta. Ini bermakna lebih dagangan telah menguntungkan Malaysia sebanyak \$609.4 juta. Begitu juga lebih dagangan pada tahun 1982 telah menguntungkan Malaysia sebanyak \$424.3 juta. Pada tahun tersebut eksport Malaysia telah meningkat kepada \$1,032.6 juta berbanding dengan import yang telah juga meningkat kepada \$608 juta. Pada tempoh dua bulan pertama tahun 1983 imbalan perdagangan masih lagi menguntungkan Malaysia sebanyak \$49.3 juta bilamana Malaysia

mengeksport sebanyak \$129.8 juta berbanding dengan import sebanyak \$80.5 juta.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menerangkan bahawa Kerajaan ada mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki imbalan perdagangan di antara Malaysia dengan Jepun dan langkah-langkah ini termasuk penghantaran rombongan-rombongan perdagangan ke Jepun dan juga mengadakan pameran perdagangan di negara Jepun. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sehingga hari ini berapa buahkah rombongan-rombongan perdagangan yang telah dihantar ke Jepun dan juga apakah hasil yang dapat dicapai dari rombongan-rombongan itu dan juga berapa buahkah pameran perdagangan yang diadakan di negara Jepun?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, pada tahun lepas sahaja, tahun 1982 sebanyak dua rombongan termasuk satu daripadanya misi tertinggi yang dikepalai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan pada tahun ini pada bulan Jun yang lepas, satu rombongan perdagangan juga yang dikepalai oleh Yang Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah pun diadakan di Jepun.

Berkenaan dengan pameran ini, saya tidak dapat pastikan jumlah sebenarnya dan sebenarnya memang ada dijalankan oleh pihak Kementerian dengan kerjasama daripada Persatuan Pengilang Malaysia.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah dengan pembelian Kerajaan Jepun terhadap gas asli cecair Malaysia yang dikontrakkan selama 20

tahun itu tidak dapat memperimbangi kedudukan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, ini adalah satu perkembangan yang terakhir. Sememangnya adalah dijangkakan bahawa nilai eksport gas asli cecair Malaysia akan dapat memperbaiki kedudukan imbangan bukan sahaja imbangan perdagangan tetapi juga imbangan pembayaran di antara kita dengan Jepun, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1983 ini Malaysia dijangka mengeksport kira-kira 1.7 juta tan metrik gas asli cecair yang dianggarkan bernilai AS\$450 juta iaitu sebanyak M\$1,065.5 juta dan ini dijangka akan dapat meningkat pada tahun-tahun yang selepasnya itu kepada 4.5 juta tan metrik iaitu bernilai lebih kurang \$4 billion setahun. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat bulan Julai tahun ini kita telah pun membuat sebanyak 10 kali hantaran minyak ke Jepun dan mengeksport gas asli cecair ini bernilai \$372.9 juta dan saya kira sebagaimana juga jangkaan Ahli Yang Berhormat, dengan adanya pertambahan pengeksporan gas asli cecair ini kedudukan pengimbangan pembayaran dan perdagangan kita akan bertambah baik dan mungkin menguntungkan kita.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh, penghabisan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan Jepun mengimport bahan-bahan pertanian negara ini termasuk getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan lada hitam.

Jadi, soalnya adakah apa-apa usaha dijalankan oleh Kerajaan kita supaya Kerajaan Jepun juga mahu

mengimport bahan koko agar dapat meningkatkan harga koko di negara kita ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, sememangnya usaha-usaha kita buat untuk bukan sahaja memasarkan hasil-hasil pertanian yang utama seperti getah dan kelapa sawit tetapi juga meminta supaya pihak Jepun mengimport lebih banyak bahan-bahan keluaran kita seperti koko sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, lada hitam, nenas dalam tin, kayu balak dan sebagainya dan khususnya bagi bidang koko umpamanya kita telah pun dapat menjual ke Jepun sebanyak 2,257.1 tan metrik biji koko yang kita eksport ke Jepun bernilai sebanyak \$8 juta.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 3 Y. B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir)

BEKERJA LIMA HARI SEMINGGU

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap Kerajaan terhadap cadangan bekerja lima hari seminggu untuk sektor awam dan sama ada Kerajaan telah memberi pertimbangan untuk melaksana cadangan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan berpendapat memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang membangun bahawa peraturan bekerja seperti yang diamalkan sekarang iaitu bekerja lima hari setengah seminggu adalah yang terbaik demi kepentingan, kemajuan dan kemakmuran negara kita. Oleh itu buat sementara waktu Kerajaan tidaklah bercadang untuk melaksanakan peraturan bekerja lima hari seminggu.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, apakah tindakan Kerajaan kepada badan-badan swasta yang tidak mengizinkan Hari Jumaat ditutup sebagai hari kelepasan untuk membenarkan pekerja-pekerja untuk mendapat cuti sembahyang Hari Jumaat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah harapan Kerajaan supaya semua syarikat-syarikat swasta membenarkan pekerja-pekerja mereka yang beragama Islam menunaikan fardhu Jumaat mereka. Tetapi tidaklah ada undang-undang yang boleh memaksa Kerajaan mengambil tindakan buat sekarang.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa hari Sabtu adalah satu hari bekerja yang sangat singkat dan adalah lebih cekap jika pegawai-pegawai Kerajaan boleh bekerja sampai pukul 5.00 petang menggantikan hari Sabtu supaya sektor swasta yang juga bekerja sampai pukul 5.00 petang dapat berurus dengan pegawai Kerajaan sepanjang hari.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi peraturan bekerja lima hari setengah seminggu adalah yang terbaik sekali dan juga memandangkan bahawa negara yang lebih maju lagi iaitu negara jiran Singapura mengamalkan peraturan yang sedemikian. Oleh itu, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak bolehlah saya menjawabnya.

UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN-BELANJAWAN 1982/83

5. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat kekurangan belanjawan di

dalam ke lima-lima universiti tempatan di Malaysia untuk tahun 1982 dan 1983. Jika ya, berapakah kurangnya, dan apakah anggarannya untuk tahun 1984.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, mohon izin bagi saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Memang ada dikenakan pengurangan peruntukan bagi tahun 1982 dan 1983 untuk kelima-lima buah universiti tempatan selaras dengan langkah jimat cermat Kerajaan.

Bagi tahun 1982 jumlah pengurangan peruntukan pengurusan ialah \$46,432,600 dan pengurangan peruntukan pembangunan ialah \$76,384,910 dan bagi tahun 1983 ini ianya ialah \$150,176,590 bagi belanja mengurus dan \$14,343,799 bagi peruntukan pembangunan.

Walau bagaimanapun pengurangan belanja pembangunan cuma melibatkan projek-projek yang belum diikat kontrak sahaja yang mana peruntukannya akan diberi kembali bila ekonomi negara pulih kembali.

Bagi tahun 1984 pula, kedudukannya adalah seperti dalam Buku Belanjawan di hadapan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi tambahan belanja-belanja yang setiap tahun di kelima-lima buah universiti tempatan tetapi belanjawan bagi universiti tidak mencukupi.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, seperti yang ditegaskan oleh Kementerian Kewangan sendiri semasa membentangkan Belanjawan

tahun 1984 cara-cara untuk berjimat cermat itu terpaksa dikemukakan dan dilaksanakan. Lantaran itulah maka segala tindakan sama ada dari segi pembangunan atau pengurusan harus benar-benar difahami dan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan terutama universiti-universiti tempatan dalam negara kita. Dengan adanya langkah-langkah ini, suka saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa mutu akademik ataupun pencapaian akademik tidak akan terjejas sama sekali.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kesan-kesan berhubung dalam masalah kekurangan belanjawan kelima-lima universiti-universiti di Malaysia ini dan adakah kekurangan belanjawan ini ada kaitan juga dengan biasiswa-biasiswa penuntut-penuntut kelima-lima universiti ini.

Dato Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, setakat ini adalah agak rumit bagi Kerajaan menentukan secara khusus atau pasti seluruh kesan-kesan yang diduga. Namun kesan pertama yang terpaksa dialami ialah bahawa projek-projek yang keutamaan atau prioritynya tidak begitu tinggi dalam erti kata pencapaian mutu akademik maka projek-projek tersebut adalah dikemudikan. Walau demikianpun, projek-projek yang asas kepada Kementerian dan kepada pembangunan sosial menerusi pelajaran negara adalah terus dijalankan. Misalan yang telah dicontoh akhir-akhir ini ialah keazaman Kerajaan bagi meneruskan projek universiti keenam dan dengan itu meletakkan asas bagi pencapaian yang lebih tinggi dalam arena pembelajaran di negara.

DASAR EKONOMI BARU- PENGUSAHA/KONTRAKTOR ASING

6. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan berpuas hati terhadap sambutan dan langkah-langkah yang ditunjuk dan diambil oleh pengusaha-pengusaha dan pemborong-pemborong asing, terutamanya Jepun dan Korea terhadap Dasar Ekonomi Baru, khususnya bagi mengujudkan peluang-peluang perniagaan dengan pengusaha-pengusaha, pemborong-pemborong, dan peniaga-peniaga Bumiputera dan tempatan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan hendak diambil oleh Kerajaan untuk menggalak dan meningkatkan lagi usahasama dan pengujudan peluang-peluang perniagaan di antara pengusaha-pengusaha asing, khususnya dari Jepun dan Korea dan Bumiputera.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, pada keseluruhannya pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor asing sedar dan faham mengenai hasrat Dasar Ekonomi Baru. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa mengawasi sambutan yang ditunjukkan oleh mereka dan pematuhan terhadap kesan-kesan Dasar Ekonomi Baru oleh pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor asing.

Dailog dan perbincangan antara pihak Kerajaan dengan pengusaha-pengusaha asing sentiasa diadakan untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada mereka terhadap kehendak-kehendak pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pada keseluruhannya Kerajaan adalah

berpuas hati dengan sambutan pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor asing itu.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan khususnya bumiputera dalam kontrak-kontrak dan perniagaan-perniagaan antarabangsa adalah seperti berikut:

Dalam Projek-projek Turnkey:

- (1) menubuhkan usaha sama dengan firma-firma tempatan yang mana penyertaan ekuiti tempatan adalah tidak kurang dari 30%;
- (2) firma-firma asing disyaratkan memberi kerja-kerja sub-kontrak tidak kurang dari 30% dari nilai kontrak kepada firma-firma tempatan khususnya bumiputera;
- (3) melantik juruperunding-juruperunding tempatan;
- (4) menggunakan pekerja-perkerja tempatan dan memberi latihan kepada pelatih-pelatih tempatan.

Bagi Sektor Pembuatan:

Pengeluaran lesen-lesen kepada pengusaha-pengusaha di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (Industrial Co-ordination Act) biasanya tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dari segi penyertaan ekuiti oleh firma-firma tempatan, pekerjaan yang mencerminkan komposisi kaum, latihan bagi pekerja-pekerja tempatan, penganjuran barang-barang yang dikehendaki sekurang-kurangnya 30% diedarkan melalui syarikat-syarikat bumiputera. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk memberi peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan serta mematuhi hasrat dan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan langkah atau cadangan Kerajaan untuk memberi tumpuan atau keutamaan kepada kontraktor-kontraktor asing maka timbullah satu masalah iaitu kontraktor-kontraktor tempatan tidak berjaya mendapat kontrak-kontrak besar oleh sebab persaingan yang diberikan oleh kontraktor-kontraktor asing terlalu teruk. Akibatnya kebanyakan kontraktor-kontraktor tempatan pun tidak mendapat kontrak yang baru. Apakah langkah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk membaiki imbalan ini. Dan dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kontraktor-kontraktor asing digalakkan memberi sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan tidak kurang dari 30%. Ini hanya memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor asing mendapat faedah yang lebih tinggi oleh sebab mereka hanya nampak keuntungan sendiri. Apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan untuk mendapat persetujuan daripada kontraktor-kontraktor asing untuk menambah paras 30% itu sampai 50% dan lebih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, kontrak-kontrak untuk menjalankan pekerjaan ataupun projek-projek turn-key yang besar selalunya dikeluarkan melalui tender terbuka. Jadi tidak bolehlah kita menyekat pengusaha-pengusaha luar negeri untuk mengambil bahagian, dan kebetulannya pula kebanyakan daripada tender-tender terbuka itu dimenangi oleh kontraktor-kontraktor asing. Tetapi sebagaimana saya terangkan tadi adalah menjadi satu syarat kepada mereka untuk menubuhkan usaha sama dimana penyertaan ekuiti tempatan mestilah tidak kurang daripada 30% dan perkara-perkara lain yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan pemberian sub-kontrak kepada pengusaha-pengusaha tempatan, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Jambatan Pulau Pinang, di mana sebagaimana kita semua sedia maklum diberikan kepada Pembinaan Hyundai dari Korea Selatan tetapi penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan adalah seperti berikut: Syarikat Pembinaan Hasbuddin dan juga Syarikat Pembinaan Lim Kah Bee.

Saya difahamkan bahawa penyertaan mereka ialah lebih kurang 30% daripada sub-kontrak-sub-kontrak yang dikeluarkan oleh pembinaan Hyundai.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar perkara rasa tidak puas hati di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya bumiputera terhadap kerjasama kontraktor-kontraktor dan usahawan-usahawan Jepun ini telah dibincangkan dan dibawa keperhatian Perdana Menteri Jepun yang telah melawat negara kita tidak berapa lama dulu. Dan adakah benar Perdana Menteri Jepun telah memberi pengakuan untuk membaiki lagi keadaan ini. Saya juga hendak tahu, kalau benar begitu, apakah hasil daripada pengakuan yang telah diberikan oleh Perdana Menteri Jepun itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah benar perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berlaku oleh sebab kontrak-kontrak yang telah dimulakan dahulunya tidak mengandungi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi seperti menentukan bahawa firma-firma tempatan untuk menyertai sebanyak 30% ekuitinya dan juga dari segi melatih pekerja-pekerja tempatan.

DASAR CABOTAGE

7. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kejayaan yang dicapai di bawah dasar cabotage sejak ianya dijalankan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Nyan): Tuan Yang Dipertua, dasar cabotage telah dilaksanakan di Malaysia dari 1-1-1980. Di bawah dasar tersebut hanya kapal-kapal yang didaftarkan sebagai kapal Malaysia dan mempunyai lesen perkapalan dalam negeri adalah dibenarkan mengangkut kargo atau penumpang daripada satu pelabuhan ke pelabuhan yang lain di Malaysia. Kapal-kapal daftar Malaysia boleh mengambil bahagian dalam perdagangan antarabangsa tanpa mendapat sebarang lesen.

Sebuah Lembaga bernama Lembaga Pelesenan Perkapalan dalam Negeri telah ditubuhkan untuk melaksanakan dasar tersebut.

Suka saya menyatakan bahawa semenjak dasar cabotage dilaksanakan, penyertaan kapal-kapal didaftarkan di Malaysia di dalam perdagangan dalam negeri telah meningkat.

Pada tahun 1980, sebanyak 164 lesen telah dikeluarkan kepada kapal-kapal daftar Malaysia dibandingkan dengan 190 lesen kapal-kapal daftar asing.

Dalam tahun 1982 pula, bilangan lesen yang dikeluarkan kepada kapal-kapal daftar Malaysia telah bertambah menjadi 276 dan kapal-kapal daftar asing telah berkurang menjadi 118. Ini bermakna bahawa dalam tahun-tahun yang berkenaan bilangan kapal-kapal daftar Malaysia yang dilesenkan telah meningkat sebanyak 68% dan bilangan kapal-kapal daftar asing telah diturun sebanyak 38%. Lembaga juga telah berjaya memberhentikan pengeluaran lesen kepada kapal-kapal daftar asing

untuk mengangkut ataupun mengambil bahagian di dalam pengangkutan kargo kering.

Mulai daripada 1-1-1982 hanya kapal-kapal daftar Malaysia sahaja mengambil bahagian dalam pengangkutan kargo ini. Di samping itu hanya kapal-kapal daftar Malaysia sahaja dibenarkan mengangkut minyak kelapa sawit, penumpang-penumpang dan kenderaan bermotor. Bahan-bahan petroleum adalah juga diangkut oleh kapal Malaysia di dalam bidang pengangkutan petroleum mentah pula hanya satu kapal daftar asing sahaja dilesenkan pada masa sekarang ini.

Matlamat jangka panjang Kerajaan melalui Lembaga Pelesenan ialah untuk memberhentikan semua kapal-kapal asing dari mengambil bahagian dalam perdagangan dalam negeri supaya kapal-kapal daftar Malaysia diberi peluang sepenuhnya untuk bergiat dalam perdagangan ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, dalam dasar cabotage ini yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya suka mendapat tahu, adakah pihak Kementerian yang berkenaan mengawasi pengambilan para pekerja oleh tuan-tuan punya kapal bagi tujuan untuk menentukan bahawa dasar 75% para pekerja yang diambil oleh tuan-tuan punya kapal adalah terdiri dari rakyat Malaysia?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya satu syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat yang hendak mendaftarkan kapal mereka di Malaysia ialah supaya sekurang-kurangnya 75% daripada anak-anak kapal mesti dari warganegara Malaysia dan Lembaga Pelesenan sentiasa mengawasi perkara ini supaya dapatlah peluang untuk pelaut-pelaut Malaysia berkerja dalam kapal-kapal tersebut.

LESEN TEKSI— BILANGAN PERMOHONAN

8. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan permohonan-permohonan membaharui lesen teksis diterima dari 1hb Januari, 1983 hingga sekarang dan berapakah yang telah diluluskan;
- (b) apakah kriteria-kriteria digunakan oleh pihak Kementerian untuk meluluskan atau menolak permohonan-permohonan membaharui lesen-lesen teksis; dan
- (c) bagaimana pihak Kementerian menimbang permohonan-permohonan adalah jati atau tidak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, ingin saya menjelaskan bahawa mengikut peruntukan undang-undang sekarang tidak ada apa-apa peruntukan mengenai permohonan membaharui lesen-lesen pengangkutan mengikut seksyen 122 Ordinan Lalulintas, 1958.

Semua lesen pengangkutan adalah diberi untuk jangka masa yang tidak lebih daripada 7 tahun. Apabila tarikh ini tamat, maka lesen tersebut akan habis tempohnya, maka pemilik mestilah membuat permohonan baru yang mana setiap permohonan seperti itu adalah dianggapkan sebagai permohonan biasa untuk mendapatkan lesen pengangkutan.

Konsep membaharui tidak diperuntukkan dalam Road Traffic Ordinance, 1958. Oleh yang demikian, saya anggap soalan ini adalah menyentuh permohonan-permohonan daripada mereka yang sudah diberi lesen, tetapi lesen mereka telah pun tamat tempohnya. Daripada 1hb

Januari, 1983 hingga 31hb Ogos, 1983, Kementerian saya telah menerima sebanyak 1,435 permohonan daripada mereka yang lesennya telah dan akan tamat tempoh bagi jangka masa yang tidak melebihi 7 tahun. Daripada jumlah ini, jumlah yang telah diluluskan ialah sebanyak 952. Apabila menimbangkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen pengangkutan daripada pemohon-pemohon di mana lesen mereka telah mati, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan meneliti semua rekod-rekod perjalanan teksi-teksi semasa tempoh lesen yang lepas. Dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak lain umpamanya Bahagian Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga penyelidikan dan siasatan yang dijalankan sendiri oleh kakitangan Lembaga, maklumat-maklumat dikemukakan kepada Lembaga. Cara operasi teksi berkenaan dan laporan-laporan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap lesen tersebut, perkara-perkara berkenaan kes kuatkuasa lesen serta penggunaan lesen iaitu sama ada ianya menurut apa yang disyaratkan oleh Lembaga ataupun tidak, serta juga aduan dari orang ramai adalah di antara kriteria-kriteria yang turut dijadikan asas dalam membuat sesuatu pertimbangan permohonan tersebut. Semua permohonan-permohonan yang ditolak adalah permohonan-permohonan daripada mereka yang telah sentiasa melanggar syarat-syarat lesen dan juga Undang-undang Lalulintas termasuk mereka yang enggan memberi perkhidmatan yang diperlukan seperti keengganan mengambil penumpang.

Sungguhpun demikian Lembaga memberi pertimbangan istimewa kepada pemohon-pemohon yang sudah pun mempunyai kenderaan dan pengalaman dalam bidang ini. Semua mereka yang mematuhi syarat-syarat biasa diberi kelulusan untuk

mendapatkan lesen pengangkutan untuk 7 tahun lagi. Mereka yang mempunyai rekod kurang baik dari segi kuatkuasaan undang-undang, peraturan-peraturan tetapi tidak dianggap sebagai melakukan kesalahan yang besar juga diberikan lesen baru selepas amaran dikeluarkan. Tindakan-tindakan seperti ini adalah perlu untuk menjamin perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

Pihak Kementerian adalah dapat menilai kelayakan permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen baru bagi menggantikan lesen yang mati dengan cara mengkaji laporan yang dinyatakan tadi. Laporan-laporan ini memberi maklumat tentang pengusaha dan mutu perkhidmatan yang telah diberikan dalam masa memiliki lesen dahulunya. Laporan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga menyebut tentang sama ada seorang pelesen itu memajak lesennya ataupun tidak, atau sama ada ia mengusahakan teksinya sendirinya ataupun membenarkannya diusahakan oleh orang lain. Jika timbul apa-apa kekeliruan Lembaga sendiri akan menemuduga pemohon-pemohon teksi yang berkenaan. Sistem penilaian ini akan membenarkan Lembaga mengesan sama ada permohonan-permohonan yang diterima itu benar-benar layak dan tulen atau sebaliknya.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberikan lesen kepada balu si mati pemandu teksi yang telah mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan oleh JPJ kerana memandangkan balu itu tidak mempunyai mata pencarian lain supaya dapat balu itu memberikan teksi itu dipandu oleh orang lain?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, salah satu perkara yang selalu dipertimbangkan oleh pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan atau pihak

Kementerian ini ialah perkara-perkara di bidang kemanusiaan. Dan ini termasuklah salah satu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, cuma dalam hal ini Tuan Yang Dipertua, balu yang berkenaan mungkin tidak dapat memandunya sendiri, sekiranya beliau dapat memandunya sendiri tidak timbul sesuatu masalah.

Di dalam masalah balu tersebut yang tidak mungkin memandunya sendiri kerana sebab-sebab yang tertentu atau sebab tanpa lesen PSV, maka di samping Kementerian membenarkan balu-balu tersebut meneruskan lesen itu, ianya juga adalah diminta supaya mengemukakan seorang pemandu kedua.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam oleh kerana penguatkuasaan teksi-teksi ini mesti dipandu sendiri baru dalam 2—3 tahun ini, jadi menyebabkan banyak pemilik-pemilik teksi telah menyewakan atau kontrak kepada orang-orang lain sehinggalah kepada 7 tahun. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk memaafkan mereka ini supaya dapat memberi semula permit lesen itu jika sekiranya mereka ini dapat memandu sendiri selepas daripada penguatkuasaan itu diadakan.

Adakah permit yang tidak dibaharui itu terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai kelayakan untuk memandu sendiri.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, mungkin bahagian yang pertama soalan Yang Berhormat itu merujuk kepada pemilik-pemilik permit yang pernah diberi sewaktu syarat milik pandu sendiri' belum dikenakan lagi. Sekiranya terkena kepada orang-orang yang seperti ini dan setelah syarat milik pandu sendiri dikenakan pada tahun 1980, orang

yang berkenaan telah pun mula memandu teksinya sendiri, maka rasa saya tidak menjadi masalah apabila sampai atau tamat tempoh dan sampai masa hendak memohon kembali permit tersebut.

Perkara kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi juga adalah termasuk perkara-perkara yang kita pertimbangkan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kelonggaran-kelonggaran tentang pemberian semula permit ini. Saya tak mengatakan penyambungan, tetapi pemberian semula permit-permit ini, umpamanya sepertimana jawapan saya yang saya berikan kepada Yang Berhormat dari Batu Pahat sekejap tadi.

Tuan Yang Dipertua, tujuan utama kita mengadakan cara yang demikian ini ialah supaya seboleh-bolehnya setiap orang yang mempunyai permit teksi memandu sendiri kerana daripada kajian kami, kami dapati bahawa tidak begitu menguntungkan kalau sekiranya seseorang yang mempunyai permit teksi manakala teksinya yang hanya satu itu juga diminta atau digajikan orang lain untuk memandu bagi pihaknya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kenapakah Kerajaan tidak mengadakan cerai di antara permit teksi dengan lesen pemandu. Sekiranya Kerajaan mengeluarkan kepada satu orang permit teksi, kemudian kepada ceraian lain pula permit memandu teksi, jadi kalau si tuan yang kita berikan dia lesen teksi uzur, sakit, mati, jadi orang ada mempunyai lesen ataupun permit yang membolehkan dia memandu teksi tidak jadi tergendala kepada yang mempunyai permit teksi. Adakah Kerajaan bercadang membuat seperti itu untuk memudahkan segala-galanya demi untuk kemudahan ramai.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, mungkin dalam hubungan ini perlu saya terangkan kepada Yang Berhormat bahawa mengikut RTO 1958, pengeluaran lesen adalah di bawah Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Perusahaan Awam di mana soal pengeluaran lesen teksi memandu adalah di bawah jagaan Jabatan Pengangkutan Jalan, yakni di bawah Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, untuk menjamin supaya setiap pemohon baru, ertinya sejak tahun 1980 lagi pemohon-pemohon teksi yang baru, mereka dikehendaki memenuhi borang di mana borang-borang ini meminta maklumat tentang adanya lesen memandu teksi yang berkenaan.

Kembali kepada soal apabila seseorang pemilik teksi yang memandu itu sakit, maka ada cara-cara, umpamanya kalau sekiranya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dapat dibuktikan bahawa oleh sebab-sebab yang tertentu, umpamanya lantaran kesakitan tuannya yang memandu teksi itu beliau tidak mungkin dapat membayar kembali wang ansuran (instalment) bayaran teksi bulanan itu, maka terpaksa orang lain memandu bagi pihaknya dan ini adalah di antara perkara-perkara yang diberi pertimbangan, termasuk di dalam hubungan perikemanusiaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

PENUNTUT BUKAN BUMIPUTERA DI UNIVERSITI—QUOTA

11. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatan sama ada kemasukan 4,000 lebih penuntut-penuntut bumiputera yang biasanya ke seberang laut bagi lanjutan pengajian setiap tahun akan memberi kesan kuota kemasukan penuntut-penuntut bukan bumiputera di dalam Universiti bagi tahun-tahun yang akan datang dan apakah kuota kemasukan (intake quota) penuntut bukan bumiputera ke dalam Universiti-universiti bagi tahun ini dan apa akan terjadi pada tahun yang akan datang.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, kekurangan penghantaran pelajar-pelajar oleh Kerajaan ke sebarang laut tidak akan menjejaskan kuota kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputera di universiti-universiti tempatan. Kuota yang telah ditetapkan, iaitu 55:45 di antara bumiputera dan bukan bumiputera akan terus dilaksanakan menjelang tahun-tahun hadapan seperti yang telah ditetapkan. Pada tahun ini kuota yang telah ditetapkan ialah 56:3 dengan 43:7.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat wakil Menteri Pelajaran apakah dengan penghantaran pelajar-pelajar kita ke luar negeri setakat ini telah dapat memenuhi kuota bumiputera di luar negeri di dalam mendapat pelajaran tinggi di Universiti-universiti luar negeri.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, penghantaran pelajar-pelajar bumiputera ke luar negeri setakat ini sesungguhnya Kerajaan adalah berpuas hati, tetapi lantaran tekanan ekonomi yang makin berat saban tahun maka tindakan perlu diambil dan pengambilan tindakan itulah yang menyebabkan Kerajaan mengambil tindakan supaya mencari

saluran di dalam negeri sendiri untuk memperbaiki taraf dan pencapaian akademi seluruhnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bukankah sebab-sebab utama di mana pihak Kerajaan membuat keputusan ini ialah oleh kerana pelajar-pelajar tersebut apabila di luar negeri sangat mudah dipengaruhi apa yang disifatkan oleh pihak Kerajaan sebagai "dakwah songsang".

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, semasa seseorang itu berada di luar negeri bermacam-macam unsur boleh menular, bukan hanya setakat dakwaan terhadap dakwah, tetapi juga unsur-unsur pergaulan yang lain. Oleh itu Kerajaan Malaysia tidaklah beranggapan singkat dengan secara melulu menjadikan bahawa dakwah songsang atau kononnya dakwah songsang itu sebagai salah satu daripada alasan yang menyebabkan tindakan diambil walaupun Kerajaan sendiri ada mendapati bahawa kemungkinan adanya beberapa golongan pelajar yang telah terpengaruh dalam bidang tersebut.

AMBOYNA—TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP TUNTUTAN VIETNAM

12. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan terhadap tuntutan Vietnam ke atas pulau kecil Amboyna di Laut Cina Selatan.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa soalan dari Ahli Yang Berhormat ini sudah pun dijawab pada 18hb Oktober semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan ini adalah sama ataupun bertujuan yang sama.

TARAF HIDUP RAKYAT SARAWAK—MENINGGIKAN

13. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam masa 20 tahun untuk meninggikan taraf kehidupan suku kaum yang terpencil di Sarawak terutama kaum Penan yang masih tinggal dalam hutan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, sejak Malaysia tertubuh pada 16hb September banyak perubahan telah dilakukan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Sarawak, sama ada di bandar, di desa, di persisir laut (coastal) ataupun di hulu sungai, yang terpencil. Walau bagaimanapun, taraf kejayaan dan pencapaian tentulah berbeza antara satu sama lain kerana ianya bergantung, khususnya kepada keadaan taraf kemajuan masyarakat itu sendiri.

Sebagai contoh, sesuatu projek untuk memajukan masyarakat Bidayah akan lebih berkesan kerana mereka tinggal dalam Bahagian Pertama Sarawak yang telah pun mempunyai prasarana yang lebih baik daripada kawasan masyarakat Lun Bawang yang kebanyakannya terdapat di hulu Sungai Baram atau di kawasan sekitar Gunung Kapuas.

Pada keseluruhannya semua kumpulan dan suku kaum telah pun mencapai kemajuan yang amat besar, hasil daripada usaha-usaha Kerajaan dan juga keinginan serta keazaman masyarakat itu sendiri untuk mencapai kemajuan semenjak Malaysia ditubuhkan. Sebahagian besar daripada kemajuan-kemajuan yang tercapai telah dipamirkan di Kuching lebih kurang sebulan yang lalu.

Kemajuan dan pembangunan itu melibatkan juga suku kaum terpencil seperti Kelabit, Kenyah, Kayan, Murut, Penan dan Punan.

Pada amnya, kemajuan yang dicapai dan dirancang oleh Kerajaan adalah dalam aspek-aspek pembangunan sumber manusia (human resources development) dan juga peningkatan perkhidmatan sosial terutamanya pendidikan dan kesihatan. Tujuan Kerajaan, antara lain, adalah untuk membolehkan rakyat menyertai kegiatan pembangunan dengan lebih bermakna dan memupuk pertumbuhan sikap jayadiri (self-reliance) di kalangan mereka. Dengan itu, kita dapat membantu mencantumkan (integrate) ekonomi kampung dengan ekonomi negara mula-mula dalam bidang pertanian dan kemudiannya dalam bidang industri dan seterusnya.

Secara ringkas, memadailah, kalau disebutkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat sahaja pun projek-projek yang diatur bagi meningkatkan taraf hidup penduduk yang terpencil dan di desa-desa di Sarawak adalah banyak.

Berkenaan dengan suku kaum Penan yang berjumlah 6,421 pada tahun 1980 dan 719 (iaitu 11.2%) daripadanya masih berpindah-randah (nomadic) Kerajaan sedang merancang atau melaksanakan 29 projek penempatan semula iaitu 10 di Belaga, 16 di Baram dan 1 di Limbang dan 2 lagi berikutan dari projek elektrik di Wong Pelagus. Bagi masyarakat Orang Hulu seperti Kenyah, Kayan, Murut, Kelabit, Punan dan Penan tidak terdapat seorang pun siswazah pada 1963 tetapi sekarang 43 Orang Hulu telah menjadi "graduate" dan 28 daripada mereka bertugas dengan Kerajaan manakala 15 lagi bertugas di firma swasta seperti Shell, PETRONAS dan bank-bank. Ini adalah juga seimbang dengan kemajuan masyarakat Iban dan Bidayuh yang juga tidak mempunyai seorang pun graduate" pada 1963 tetapi kini beratus-ratus telah bukan sahaja graduate tetapi memperoleh ijazah kedua dan ketiga.

Tidak syak bahawa kemajuan-kemajuan dalam meningkat taraf hidup masyarakat yang terpencil di Sarawak adalah banyak dan besar dalam tempoh dua dekad yang lalu.

Tuan Justine anak Jinggut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Pembalakan di kawasan kediaman Punan telah pun deprived, dengan izin, mereka dari menggunakan kawasan tersebut pertamanya untuk memburu, kedua, mencari bahan-bahan hutan seperti rotan, kayu gaharu yang merupakan sumber pendapatan mereka, ketiga, minuman air yang jernih oleh kerana sungai mereka tercemar dengan pembalakan, dan keempat, diskriminasi dalam mencari kerja dalam syarikat-syarikat kayu balak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut demi untuk menolong suku kaum Punan di Sarawak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, jelas saya nyatakan sekejap tadi, langkah yang penting, ialah perancangan 29 projek penempatan semula. Tidak payah saya hurai dengan lebih lanjut lagi. Memadailah jika diperkatakan bahawa rancangan-rancangan itu adalah 10 di Belaga, 16 di Baram, 1 di Limbang, 2 lagi berikutan dari projek elektrik di Wong Pelagus. Semuanya ini, akan memberi perkhidmatan kepada suku kaum Punan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan, adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai seperti pakar-pakar anthropologists di antara kaum Penan dalam masa yang tertentu, misalnya 6 bulan ataupun satu tahun supaya dapat hidup bersama mereka dan mendokumentasikan corak hidup

mereka sebelum membuat satu rancangan yang berkesan dan integrated. Ini perlu, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kaum Penan kurang minat tinggal dalam satu tempat jika ditempatkan oleh Kerajaan. Mereka lebih suka tinggal di hutan dan berjalan-jalan dalam hutan. Jika ada, bilakah kajian ini akan dilaksanakan dan di kawasan mana, jika tidak, mengapa?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, hasrat Yang Berhormat itu, bolehlah kita mengambil perhatian (*Ketawa*).

BADAN PERUNDING ISLAM

14. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan komposisi Badan Perunding Islam yang akan diadakan untuk mengkaji usaha penyerapan nilai-nilai Islam dalam Kerajaan. Apakah kriteria dan peranan yang akan diberikan kepadanya untuk menilai semua aspek polisi Kerajaan. Adakah badan perunding seumpama itu akan diwujudkan untuk mengkaji nilai-nilai agama lain. Jika tidak, mengapa, dan jika ada, bila.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang Dipertua, Badan Perunding Islam adalah sebuah badan penasihat kepada Kerajaan dalam menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan unsur-unsur Islam yang boleh dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan negara. Atas landasan inilah maka keanggotaan ahli badan ini semuanya terdiri daripada ulamak dan cerdik pandai Islam sahaja dan tidak daripada kalangan mereka yang tidak beragama Islam. Perlantikan ahli badan ini dibuat adalah atas nama dan kepakaran mereka dalam sesuatu bidang.

Seperti yang dinyatakan di atas, tugas Badan ini hanyalah berupa penasihat kepada Kerajaan di dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam. Dalam usaha ini tidaklah semestinya semua pandangan Badan ini akan diterima, terpujanglah kepada Kerajaan untuk menimbangkannya. Badan ini sebenarnya merupakan satu forum yang menggabungkan cerdik pandai Islam untuk memberi pandangan dan nasihat berhubung dengan pembangunan negara dan polisi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, oleh kerana Badan Perunding Islam ini ditubuhkan semata-mata untuk menjalankan 2 tanggungjawab yang besar iaitu, pertama, menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan unsur-unsur Islam yang boleh dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan dan pentadbiran negara, dan kedua, memberi asas dan nasihat lanjutan di samping membuat penyesuaian-penyesuaian terhadap bentuk-bentuk teknologi yang mengikut lunas-lunas Islam, maka tidaklah timbul persoalan yang Badan Perunding harus mengkaji juga nilai-nilai agama lain kerana bidang itu telah terkeluar dari batas bidang tugas dan tanggungjawabnya.

Seyogianya diingatkan sekali lagi bahawa dasar penerapan nilai-nilai Islam Kerajaan sekarang tidak seharusnya menimbulkan kerisauan di kalangan rakyat yang bukan beragama Islam kerana dasar itu dilaksanakan bukan untuk mengislamkan mereka tetapi semata-mata untuk menunjukkan akan nilai-nilai baik dan murni yang terkandung di dalam Islam.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Badan Perunding ini diberi apa-apa ganjaran ataupun diminta memberi perkhidmatan dengan secara percuma?

Tuan Awang bin Jabar: Untuk makluman Yang Berhormat itu bahawa ahli-ahli Badan Perunding ini bekerja secara sukarela (voluntary).

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Badan Perunding Islam yang dicadangkan akan berunding dengan kaum-kaum Malaysia yang lain sebelum mengesyorkan nilai-nilai Islam di pentadbiran Kerajaan supaya mengelakkan sebarang perselisihan.

Tuan Awang bin Jabar: Badan Perunding Islam tidak akan berunding dengan badan-badan agama yang lain dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam satu-satu polisi kerana dasar-dasar yang akan dinasihatkan itu tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama lain. Lagi pun, Tuan Yang Dipertua, ada satu Jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Harmoni Antara Agama yang boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan nilai-nilai Islam yang disebutkan tadi, adalah nilai yang baik dan kita pun tahu nilai-nilai agama lain yang serupa nilai sejagat. Mengapa nilai-nilai daripada agama lain tidak boleh diserapkan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang Dipertua, kalau sudah serupa tidak payah serap lagilah. Terima sahaja yang Islam, habis perkara (*Ketawa*).

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau tidak salah ingatan saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa dalam penerapan nilai-nilai Islam, maka Undang-undang Islam tidak akan dipaksa dan dilaksanakan kepada

orang-orang yang bukan Islam. Saya ingin bertanya pihak Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan, apakah dalam penerapan nilai-nilai Islam itu kemungkinan satu hari negara Malaysia akan melaksanakan Undang-undang Islam terhadap penganut-penganut yang beragama Islam.

Tuan Yang Dipertua: Saya rasa perkara kemungkinan atau tidak itu tidak boleh ditanyakan dalam soal jawab. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 9, 10, 15 dan 16 adalah diberi di bawah ini).

KAYU BALAK DITEBANG SECARA HARAM

1. Tuan Yew Weng minta Menteri Perusahaan Utama sama ada beliau sedar kayu balak yang ditebang secara haram makin bertambah di negara kita. Kalau sedar, apakah langkah yang berkenaan telah diambil untuk menentang penebangan haram tersebut. Adakah Kerajaan bercadang mengambil rancangan menanam semula kawasan-kawasan yang lapang dan tidak digunakan lagi dalam hutan-hutan tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Saya sedar tentang adanya penebangan balak secara haram di negara ini, tetapi saya suka menegaskan ianya tidak berlaku secara meluas di seluruh negara dan tidak pula bertambah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan. Dalam banyak keadaan, penebangan balak secara haram ini sering terjadi akibat daripada kesilapan pemegang permit atau lesen menebang pokok-pokok di luar kawasan yang telah diluluskan kepadanya.

Untuk mencegah berlakunya tebanan secara haram ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah termasuk:

- (i) mengadakan unit penguatkuasa di setiap negeri untuk membuat pemeriksaan ke atas kawasan pembalakan untuk memastikan ianya bukan penebangan secara haram;
- (ii) menambah bilangan kakitangan di peringkat Pengawas Hutan dan Renjer untuk mengawasi kawasan hutan supaya tidak dicerobohi.

Suka saya menyatakan bahawa Kerajaan hanya melaksanakan rancangan pemulihan semula hutan melalui rawatan silvikalcar dan/atau penanaman secara ladang di kawasan-kawasan Hutan Simpan, tidak di kawasan hutan yang akan dimajukan untuk pembangunan pertanian atau projek ampangan.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN— MEMO PERSATUAN CINA

3. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilakah beliau menemui wakil-wakil dari 15 buah Persatuan Cina yang menyampaikan memo tentang Kebudayaan Kebangsaan.
- (b) bagaimana Kerajaan mencapai integrasi kaum melalui asimilasi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Sebelum saya menjawab soalan ini saya memohon izin untuk menjawab juga soalan-soalan oleh:

Y.B. Bandar Kuching pada 26-10-83

Y.B. Sungai Besi pada 27-10-83

Y. B. Bandar Sibul pada 28-10-83

Y.B. Jelutong pada 11-11-83

Sekaligus oleh kerana semua soalan-soalan tersebut mempunyai persamaan yang berkisar tentang persoalan mengenai isu Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat kembali lembaran sejarah, dasar yang ditetapkan pada tahun 1971 itu adalah sebenarnya ekoran dari rumusan Kongres Kebudayaan Melayu 1957.

Kongres Kebudayaan Melayu 1957 merupakan wasiat suci daripada bangsa dan para pejuang Melayu di ambang pintu kemerdekaan. Kongres ini telah merangkakan dasar Kebangsaan bagi negara merdeka selepas 31 Ogos 1957 yang akan merangkumi warganegara baru yang bukan Melayu.

Konsep yang diajukan itu menegaskan kesinambungan sejarah dan tradisi bangsa pribumi dan disamping itu membukakan diri pula menyerapkan tradisi-tradisi imigran yang baru. Konsep ini malahan adalah penjelmaan dari jiwa serta semangat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri. Menerima Raja Melayu sebagai Yang Dipertuan Agong dengan sendirinya menerima kesinambungan sejarah dan tradisi serta juga hak-hak bangsa Melayu sebelumnya. Jadi wadah kebudayaan kebangsaan Malaysia tak mungkin yang lain dari wadah kebudayaan pribumi—ciri-ciri kebudayaan masyarakat non-pribumi hanyalah sebagai tambahan baru.

Keadaan semasa kemerdekaan ini telah dicerminkan semula pada tahun 1971 dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Perkara ini telah tidak pernah dipersoalkan sehingga akhir-akhir ini.

Semangat tersebutlah yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri pada 18hb Disember, 1982:

“Kita semua telah bersetuju, perpaduan dan keutuhan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bangsa, iaitu bahasa kebangsaan—satu kebudayaan, iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka bahasa kebangsaan diasaskan kepada bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal pribumi Malaysia. Kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan, dalam rangka dan batas-batas tertentu, adalah terjamin dalam Perlembagaan negara kita.

Dengan demikian, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi, sama seperti persoalan bahasa kebangsaan juga tidak timbul lagi. Yang menjadi persoalannya hanyalah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini, bagi kepentingan hidup bersama. Jika kita semua benar-benar inginkan sebuah negara yang aman makmur, dengan kehidupan rakyatnya yang damai serta bahagia, bahasa dan kebudayaan tidaklah seharusnya lagi dijadikan isu politik yang hanya akan menguntungkan golongan yang anti perpaduan dan taat setianya boleh diragukan”.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidaklah sebarang kebudayaan kaum dan sukuan di negara, tiap kumpulan bebas untuk mengamalkan budaya sukuan (private culture) sendiri seperti juga bahasanya.

Identiti Nasional kita perlulah berbeza dengan identiti negara-negara yang lain, kebudayaan peribumi Melayu adalah satu-satunya yang unik di Malaysia dan di dunia dengan sendirinya harus dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan. Di samping itu unsur-unsur kebudayaan

imigran di Malaysia telah pun dipersetujui untuk diintegrasikan kepada teras yang ditetapkan itu, jadi dalam ‘identiti nasional’ kita yang lengkap tetap terangkum dalam simbol-simbol masyarakat non-pribumi.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB dari Sibu bertarikh 24-10-83 suka saya menyatakan bahawa asimilasi adalah suatu proses penyerapan budaya secara semula jadi dan tanpa paksaan yang berlaku akibat daripada pertembungan pelbagai kebudayaan. Dalam konteks Malaysia, asimilasi budaya pelbagai kaum telah, sedang dan akan terus berlaku. Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah suatu asas integrasi kaum yang lebih terarah bagi mempercepatan lagi proses asimilasi ke arah suatu Kebudayaan Kebangsaan Malaysia. Oleh itu integrasi antara kaum melalui asimilasi budaya di Malaysia ini adalah suatu hakikat yang boleh diyakini tentang pencapaiannya dan akan menjadi suatu realiti jika semua pihak bersama-sama dengan tulus iklas menyedari hakikat ini.

Mengenai soalan daripada YB dari Kuching bertarikh 26-10-83—Seperti yang telah ditegaskan beberapa kali di dalam sidang Parlimen yang lalu bahawa Kerajaan tidak akan menerima sebarang syor atau cadangan daripada mana-mana pihak juga jika ianya menyentuh soal perombakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Akan tetapi Kerajaan sentiasa sedia berbincang, berunding dan menerima pandangan-pandangannya yang baik mengenai pelaksanaannya. Dengan demikian tidaklah sepatutnya timbul bantahan-bantahan keras daripada mana-mana pihak pun.

Seterusnya mengenai soalan daripada YB Sungai Besi bertarikh 27-10-83, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa menghormati pandangan dan

pemikiran fahaman dan pelaksanaan pembinaan Kebudayaan Kebangsaan, bersandarkan kepada Dasar yang telah ditetapkan. Memanglah unsur-unsur prespektif, positif dan nilai-nilai umum bersama menjadi pertimbangan penerapan.

Soal Agama sudah pun sedia mendapat jaminan dan perlindungan di dalam Perlembagaan Negara. Soal ibadat bagi tiap penganut agama adalah hak individu menurut pegangan agama masing-masing. Islam yang menjadi dasar dalam Kebudayaan Kebangsaan ialah dari segi pembentukan, pengembangan serta penggunaan nilai-nilai yang berkaitan dengan pembinaan keperibadian bangsa dan sosio-budayanya. Nilai-nilai ini telah sedia wujud menjadi amalan hidup yang sesuai dengan ajaran agama-agama lain, seperti berkelakuan baik dan mulia, amanah, kebersihan, kecekapan, berakhlak mulia, sopan santun, berbudi bahasa dan menjauhkan sifat-sifat hidup tidak baik.

Bagi menjawab soalan dari Bandar Sibul:

- (a) Kerajaan, khususnya KKBS, telah mengundang organisasi-organisasi kebudayaan dari setiap suku kaum di Malaysia membuat persembahan/pertunjukan dalam fungsi-fungsi rasmi.

Penglibatan suku-suku kaum dalam acara-acara kebudayaan bukan sahaja terhad kepada kaum-kaum Melayu, Cina dan India sahaja, malahan suku-suku kaum seperti Iban, Kadazan, Orang Ulu dan lain-lain dari Sabah dan Sarawak, Kaum Portugis dan juga Kaum Sikh.

- (b) Persatuan-persatuan Cina yang telah dijemput untuk membuat persembahan anjuran KKBS

dari tahun 1982 hingga Ogos, 1983 adalah seperti berikut:

- (i) Lee Rubber Old Boys Association (Classical music and dance)
- (ii) Kumpulan Tarian Fan Chow Teng
- (iii) Kumpulan Kesenian MCA, Kuala Lumpur
- (iv) Persatuan Chinghay, Pulau Pinang
- (v) Kumpulan Lee Lee Lan Ballet

Walau bagaimanapun, Kementerian ini difahamkan bahawa badan-badan penganjur yang lain sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri, sentiasa melibatkan penyertaan semua kaum di negara kita.

Dan akhir sekali mengenai soalan dari Y.B. Jelutong bertarikh 11-11-83 suka saya menyatakan bahawa evolusi kebudayaan di Malaysia telah berlaku semenjak ratusan tahun yang lalu iaitu semenjak negara ini menjadi tumpuan dan tempat bermastautin pelbagai kaum mendatang dengan pelbagai budayanya. Evolusi ini telah berjalan dengan lancar proses pengenalan penerimaan dan penyerapan unsur-unsur positif serta nilai-nilai umum yang positif daripada pelbagai budaya itu. Proses yang sama sedang berlaku pada masa ini dan akan terus berlaku di masa-masa yang akan datang.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah darjah hutang yang ditanggung oleh Malaysia dalam ertikata peminjaman tempatan dan asing;
- (b) apakah angka-angka terbaru berkait dengan nisbah servis-hutang negara.

Menteri Kewangan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Sehingga 30hb Jun, 1983, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah \$45.9 ribu juta yang terdiri daripada \$14.8 ribu juta hutang luar negeri dan \$31.1 ribu juta dalam negeri.

Nisbah servis-hutang luar Kerajaan Malaysia adalah dijangka sebanyak 6% bagi tahun 1983. Nisbah ini adalah rendah jika dibandingkan dengan nisbah negara-negara lain.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KOREA SELATAN

10. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan Y.A.B. ke Korea Selatan pada Ogos yang lalu.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Terlebih dahulu ingin saya menyatakan bahawa hasil sesuatu lawatan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita ke luar negeri, tidaklah dapat diukur dengan nilai wang ringgit. Apa yang dapat dinyatakan di sini ialah lawatan Perdana Menteri ke Republik Korea baru-baru ini telah berjaya mencapai objektif lawatan tersebut.

Secara am, lawatan Perdana Menteri itu telah berjaya mempererat dan mempertingkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara tersebut. Perdana Menteri telah mengambil peluang dari lawatan ini untuk menerangkan kepada pucuk pimpinan dan juga tokoh-tokoh swasta negara itu mengenai maksud dan tujuan Malaysia mengamalkan Dasar Pandang ke Timur. Di dalam lawatan ini, perjumpaan-perjumpaan dan perbincangan telah diadakan untuk menarik pelaburan dari negara itu di samping memberikan penerangan jelas tentang bidang dan bentuk pelaburan yang kita perlukan dari mereka, iaitu di bidang pembangunan ekonomi Malaysia dan di dalam bentuk

Syarikat-syarikat usahasama. Inilah sebabnya Perdana Menteri telah membawa ahli-ahli perniagaan Malaysia bersama-sama supaya kedua-dua pihak boleh berjumpa dan berbincang kearah menubuhkan Syarikat-syarikat usahasama itu.

Kedua-dua objektif ini dianggap berjaya kerana pucuk pimpinan Republik Korea telah memberi akuan untuk menyokong dan memberi bantuan dalam bidang teknikal, kepakaran dan penyertaan kepada Malaysia bagi menjayakan dasar dan rancangan pembangunan negara kita. Pihak swasta negara itu juga telah menunjukkan minat untuk menambah atau memulakan pelaburan di dalam projek-projek usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan dan juga menambah bilangan tempat untuk melatih pekerja-pekerja kita di dalam syarikat mereka.

Selain dari itu lawatan ini juga telah memberi peluang kepada Perdana Menteri dan rombongannya untuk meneliti dengan lebih dekat akan methodologi dan pengalaman Republik Korea di dalam mencapai kejayaan ekonomi, khususnya di dalam bidang industri berat. Satu perjanjian Penghapusan Separuh Visa juga telah ditandatangani di antara Malaysia dengan Republik Korea untuk menggalakkan dan memudahkan lagi hubungan dan pertukaran lawatan antara rakyat kedua-dua buah negara kita.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI—PINDAAN

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran memberi satu laporan mengenai pengkajian semula yang dibuat untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk memansuhkan sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas kegiatan bebas pelajar-pelajar universiti, nama orang-orang yang telah menjalankan

pengkajian semula itu, sama ada persatuan pelajar-pelajar kelima-lima universiti telah dirundingkan dahulu dan hasil pengkajian semula itu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Cadangan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 hendaklah dibuat dengan berhati-hati dan cermat kerana bagi setakat ini, telah pun didapati Akta ini sedang berjalan dengan baik dari segi pengurusan dan pentadbiran universiti. Semua pihak pentadbiran universiti-universiti tempatan telah pun mengakui atas perkara ini.

Sungguhpun begitu, Kementerian saya ada menerima cadangan-cadangan meminda Akta tersebut daripada pihak-pihak pentadbiran di universiti-universiti tempatan berhubung dengan beberapa peruntukan bagi perkara-perkara pentadbiran dan tidak mengenai aktiviti pelajar.

Berhubung dengan perkara ini, saya masih berpendapat bahawa memandangkan bahawa tidak ada masalah yang begitu mendesak, perkara mengkaji atas pindaan Akta ini biarlah dilakukan dengan berhati-hati dan tenang dan tidak tergesa-gesa. Oleh itu, saya tidak dapat memberi laporan atas hasil kajian ini bagi setakat ini.

Akhirnya, apabila sampai masanya kita rundingkan dengan persatuan-persatuan pelajar-pelajar mengenai perkara ini, Kementerian saya akan mengambil perhatian atas cadangan ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

16. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri sama ada pindaan-pindaan bagi Perlembagaan Persekutuan dikenalkan oleh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang

cuba menyekat kuasa Yang Dipertuan Agong dalam hal tempoh bagi Seri Paduka Baginda terpaksa menandatangani Rang Undang-undang selepas mana Rang Undang-undang itu menjadi Undang-undang dan satu pindaan sama bagi Jadual 8 Perlembagaan berkaitan dengan kuasa-kuasa Raja-raja Melayu dan Gabenor-gabenor telah mendapat persetujuan Yang Dipertuan Agong. Jika ya, bila dan jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Pertanyaan ini telah pun dijawab di Dewan ini bersama dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 11hb Oktober, 1983. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (21hb Oktober, 1983).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada

Kumpulan wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (21hb Oktober, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul bersangkutan dengannya dibuka untuk dibahaskan.

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang Dipertua, Belanjawan 1984 Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin akan tercatat dalam sejarah Malaysia sebagai Belanjawan yang menarik perhatian orang ramai secara paling singkat sekali. Ianya bukan sahaja tidak menjadi, dengan izin, a nine-days' wonder, kerana selepas mendapat publisiti selama sehari, rakyat Malaysia telah mengalih perhatian mereka kepada perkara yang lebih menarik perhatian mereka yakni skandal pinjaman \$2,500 juta Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong yang merupakan skandal bank dan kewangan yang terbesar sekali yang berlaku dalam sejarah Malaysia sejak Merdeka.

Saya percaya bukan saya seorang sahaja yang berasa hampa dengan kegagalan Yang Berhormat Menteri Kewangan, untuk mengambil peluang semasa membentangkan Belanjawan 1984 untuk mendedahkan, baik pun melalui ucapan pembentangnya atau dengan cara memuatkan satu lampiran kepada Laporan Perbendaharaan 1983/1984, skandal BMF di Hong Kong memandangkan begitu banyak wang awam terlibat.

Maka pembentangan Belanjawan 1984 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak membuat apa-apa pun untuk memulihkan keyakinan kebangsaan dan antarabangsa dalam kewibawaan dan tanggungjawab institusi-institusi bank dan kewangan negara serta kemahuan politik dan komitmen Kerajaan untuk membersihkan the mess BMF serta menghukumkan orang-orang yang terlibat dalamnya untuk memastikan peristiwa-peristiwa seumpama itu tidak akan berlaku dalam masa akan datang.

Skandal BMF adalah perkara yang dipandang berat oleh semua rakyat Malaysia kerana syarikat ibunya, Bank Bumiputera, telah ditubuhkan dengan wang awam dan dari tahun 1971 hingga tahun 1980, Parlimen telah memperuntukkan sejumlah \$253.5 juta kepada Bank Bumiputra untuk dalam kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak ketika melancarkan Bank Bumiputra pada 30hb September, 1965, untuk membetulkan kekurangan modal di antara bumiputera supaya boleh memperbaiki perniagaan mereka dan untuk menggalakkan mereka mengadakan perusahaan-perusahaan yang baharu. Dan untuk memesatkan kemajuan dan menambah kekayaan negara.

Tuan Yang Dipertua, skandal BMF juga adalah dipandang berat oleh semua rakyat Malaysia kerana sebagai flagship bank-bank Malaysia, Bank Bumiputra haruslah menunjukkan pimpinan dan kelakuan terbaik dalam etika-etika bank, dan kewangan untuk dicontohi oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang lain.

Namun skandal pinjaman BMF adalah dipandang berat lebih lagi secara langsung oleh 1.3 juta orang bumiputera yang telah melabur dalam Amanah Saham Nasional kerana badan ibu ASN, Permodalan Nasional Berhad (PNB), baru-baru ini telah melaburkan sebanyak \$600 juta ke dalam Bank Bumiputera semata-mata

untuk mengelakkan krisis BMF dan ini mempunyai kesan-kesan buruk jangka panjang ke atas nilai ASN sendiri.

Inilah sebabnya Parti DAP telah sejak delapan bulan yang lalu menyeru supaya skandal BMF didedahkan sepenuhnya secara awam dan biarkan siapa-siapa sahaja yang bertanggungjawab dan terlibat dalam skandal BMF mengalami akibatnya tanpa mengira betapa tinggi jawatannya supaya mereka yang terlibat itu boleh diadili serta juga ia akan menjadi satu pengajaran kepada orang-orang lain dalam masa mendatang untuk membuktikan betapa seriusnya Malaysia dalam menuntut taraf tanggungjawab dan kewibawaan yang tinggi di kalangan orang-orang yang diamanahkan dengan masa depan kewangan negara.

Semasa perbincangan ke atas Rang Undang-undang (Pindaan) Audit yang diadakan di dalam Dewan yang mulia ini pada 14hb Mac, 1983, saya telah menyeru Kerajaan menggunakan Perkara 102 Perlembagaan Persekutuan untuk memerintahkan Ketua Audit Negara mengauditkan Bank Bumiputera khususnya skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance tetapi saranan saya itu tidak diendahkan. Pada 28hb Jun 1983, Parti DAP telah menyeru supaya Kertas Putih Kerajaan dikeluarkan berhubung dengan skandal pinjaman BMF dan pada 21hb Julai 1983, kami telah menyeru supaya sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk meniasat ke dalam skandal pinjaman ekoran pembunuhan ngeri Allahyarham Jalil Ibrahim, Penolong Pengurus Besar BMF di Hong Kong.

Sehingga sekarang, Kerajaan telah menjalankan satu operasi yang berkekalan untuk mendirikan tembok (stone walling) untuk berlari daripada pengakuan kepada rakyat atas skandal pinjaman BMF maka rakyat Malaysia berhak menuntut untuk mengetahui

mengapakah mereka harus diminta membayar cukai-cukai, kadar-kadar dan lain-lain bayaran Kerajaan yang tinggi, pada hal Kerajaan telah membenarkan Bank Bumiputra dan Bumiputra Malaysia Finance membazirkan berbillion-billion ringgit wang awam dengan penuh bebas.

Saya masih teringat bahawa dalam Perhimpunan Agung UMNO 1979, Perdana Menteri ketika itu, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, apabila menyentuh skandal Bank Rakyat yang melibatkan amalan-amalan curang, salah pengurusan dan penyalahgunaan wang awam sebanyak amaun-amaun \$150 juta pernah berkata bahawa:

“Sebuah Negara akan terhancur sekiranya pemimpin-pemimpinnya adalah tidak jujur, tidak beramanah atau korap,”

Dan beliau telah melahirkan harapan agar fiasco Bank Rakyat akan menjadi suatu pengajaran pahit kepada institusi-institusi dan badan-badan Kerajaan yang lain termasuk syarikat-syarikat dan anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Harapan yang dilahirkan oleh Tun Hussein Onn dalam tahun 1979 telah terbukti sebagai sia-sia belaka, kerana kini kita mempunyai skandal pinjaman BMF yang melibatkan kira-kira \$2,500 juta sehingga \$3,000 juta satu skandal yang 20 kali ganda lebih serius daripada fiasco Bank Rakyat dan bukan sahaja tidak ada mana-mana wakil UMNO yang telah menunjukkan minat atau rasa pandang beratnya ke atas skandal BMF dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, tetapi kini kita mempunyai sebuah Kerajaan yang tidak bersedia untuk berterus terang dan menjadi “accountable” seperti pentadbiran dahulu yang telah mengarahkan suatu siasatan dilakukan oleh Price Waterhouse ke dalam fiasco Bank Rakyat serta juga mengeluarkan

laporan Price Waterhouse itu bersama dengan sebuah Kertas Putih mengenai skandal tersebut.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan pada hujung minggu yang lalu bahawa Kerajaan sedang menimbang kemungkinan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ke dalam skandal pinjaman BMF dan beliau tidak menolak kemungkinan mengeluarkan suatu Kertas Putih, namun saya dapati ini adalah tidak memuaskan. Memang saya mengalu-alukan tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menyahut tekanan seluruh negara agar skandal BMF didedahkan dengan sepenuhnya, akan tetapi sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan membuat satu komitmen yang penuh untuk membolehkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja diadakan ke dalam BMF memandangkan Kerajaan telah tahu menahu akan masalah atau "mess" BMF dan Bank Bumiputra hampir dua tahun kebelakangan ini.

Tetapi selama dua tahun ini Kerajaan telah mengelakkan tanggungjawabnya untuk memberi satu pengakuan kepada Parlimen dan rakyat mengenai skandal BMF dan Bank Bumiputra. Apabila Ahli-ahli Parlimen dari pihak DAP menyoal Kerajaan mengenai krisis BMF dalam mesyuarat Parlimen pada bulan Mac dan Julai lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan, telah menggunakan Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 dan Akta Bank 1973 untuk menjustifykan ketidakupayaan Kerajaan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkait dengan hal ehwal mana-mana bank kecuali dengan perintah Mahkamah Tinggi.

Pada hakikatnya Kerajaan tidak menganggap undang-undang seumpama itu mengenai larangan mendedahkan maklumat-maklumat sebagai suci dan tidak boleh dicabuli.

Ini dapat dilihat daripada berita muka depan yang disiarkan oleh akhbar *New Straits Times* pada hari Rabu, 12hb Oktober, 1983 yang tambah pula dipampang dalam sebuah peti dengan tajuk "MAYBANK'S LOAN TO CARRIAN".

Laporan tersebut yang ditulis dalam bahasa Inggeris yang berbunyi, dengan izin:

"Kuala Lumpur, Tuesday. 'Malayan Banking is a party to a syndicated loan, totalling HK\$540 million (M\$156 million) for the Carrian group' an official of the bank said today.

'The Bank's share is small less than the average of the 23 banks involved in the syndication.' he added.

The official said the loan, secured against a property called the Carrian Centre, was managed by Wardley Ltd. of Hong Kong.

Wardley was one of Carrian's advisers. It has since withdrawn from that role."

Laporan tersebut adalah luar biasa kerana tidak seorang daripada "creditors" Carrian selain daripada Malayan Banking yang nampaknya sedia memberi maklumat secara sukarela berhubung dengan urusan mereka dengan Carrian. Malah Bank Bumiputra setakat ini tidak sanggup mendedahkan dengan penuhnya pinjaman-pinjaman yang diberikannya di Hong Kong yang saya menganggarkan adalah dalam lingkungan \$2,500—\$3,000 juta.

Apakah "scoop" *New Straits Times* itu berupa suatu usaha kewartawanan yang luar biasa? Tetapi seorang pemerhati yang berpengalaman akan tahu bahawa laporan *New Straits Times* itu merupakan suatu pembocoran rasmi oleh Kerajaan yang memiliki 50% equiti Malayan Banking Berhad, 30% darinya secara langsung dan 20% melalui Bank Bumiputra Malaysia.

Saya hanya dapat menyimpulkan bahawa pembocoran rasmi mengenai pinjaman Malayan Banking kepada Carrian yang dilakukan oleh Bank Bumiputra atau Kerajaan merupakan satu percubaan untuk "whitewash" dalam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "jenayah menjijik" Bank Bumiputra dan BMF. Apakah Kerajaan sedang menyiasat siapakah yang membocorkan maklumat tersebut yang melanggar Ordinan Bank Negara dan Akta Bank serta memulakan pendakwaan terhadap orang atau orang-orang berkenaan?

Tuan Yang Dipertua, pada 11hb Oktober, 1983, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan pertamanya mengenai skandal BMF yang beliau telah mensifatkan sebagai suatu "Pengkhianatan Amanah" dan suatu "Jenayah yang Menjijikkan". Kenyataan beliau itu pula telah membangkitkan lebih banyak lagi persoalan daripada jawapannya.

Sebelum saya lanjutkan ucapan saya, saya ingin merakamkan bantahan saya terhadap contempt yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan kepada Parlimen dengan tidak memberi suatu pengakaunan kepada Parlimen mengenai BMF khususnya kerana pada hari sebelumnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan iaitu pada 10hb Oktober, 1983, saya telah cuba meminta supaya Dewan ditangguhkan untuk merundingkan suatu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni betapa perlunya sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam skandal pinjaman BMF dan permohonan saya itu telah ditolak oleh Yang Dipertua atas alasan bahawa Kerajaan akan mengeluarkan satu kenyataan atas perkara tersebut.

Adalah nyata keputusan Yang Dipertua itu ada implikasi bermakna Kerajaan akan mengeluarkan satu kenyataan mengenai BMF di dalam Parlimen. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja telah membuat kenyataan mengenai BMF di luar Dewan ini, malah telah beritahu para wartawan bahawa beliau tidak menjawab pertanyaan mengenai BMF dalam Parlimen kerana wang yang terlibat adalah wang kepunyaan Bank Bumiputera dan BMF dan bukan Perbendaharaan, dan bahawa di dalam Parlimen isu BMB akan di 'politicised'.

YAB Perdana Menteri telah dalam kes ini menunjukkan kejahilannya terhadap prinsip pengakaunan kepada Parlimen dan ini adalah mengejutkan kerana setempoh seratus hari pertama YAB Perdana Menteri kita telah disamakan dengan permulaan sebuah Kerajaan yang akan menghormati prinsip pengakaunan kepada rakyat. Beliau juga telah membuat satu contempt terhadap Parlimen. Saya ingin meminta YAB Perdana Menteri meminta maaf kalau tidak kepada Ahli-ahli Parlimen secara individu sekurang-kurangnya kepada institusi Parlimen kerana penghinaan atau contempt yang dilakukannya kecuali YAB Perdana Menteri mendapati Parlimen adalah "insufferable" dan "intolerable" dan harus dijadikan rubber stamp sahaja kepada Jemaah Menteri.

Tuan Yang Dipertua, kenyataan YAB Perdana Menteri yang dibuat setahun selepas berita pertama mengenai skandal pinjaman BMF di Hong Kong terbongkar secara awam adalah jelas terpaksa dikeluarkan oleh Kerajaan akibat pendedahan dalam mahkamah majistret Hong Kong pada 4hb Oktober 1983 yang Carrian Investments berhutang sekurang-kurangnya HK\$4.6 billion atau (kira-kira M\$1.7 billion) kepada Bumiputra Malaysia Finance dan tidak seorang pun tahu menahu apakah yang telah terjadi kepada hampir separuh

daripada jumlah wang tersebut iaitu kira-kira HK\$2 billion atau (M\$769 juta) serta langkah-langkah "liquidation" sedang diambil terhadap Kumpulan Carrian selepas penangkapan "mastermind"nya, George Tan.

Saya telah berkata bahawa kenyataan YAB Perdana Menteri pada 11hb Oktober dan kenyataan-kenyataan yang dibuat kemudiannya telah membangkitkan lebih banyak persoalan daripada menjawab mana-mana persoalan. Saya akan menghadapi persoalan-persoalan tersebut satu demi satu.

Satu, berapakah pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong. Awal tahun ini, pegawai-pegawai Bank Bumiputra dan Kerajaan telah membiarkan rakyat mempercayai bahawa pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong adalah dalam lingkungan kira-kira \$400 juta. Namun akibat pendedahan yang dibuat dalam mahkamah majistret Hong Kong mengenai pinjaman sebanyak \$1,700 juta yang diperolehi oleh Carrian Investment dari BMF, angka ini telah meningkat kepada \$2,000 juta. Malah dalam kenyataan akhbar saya pada 22hb Julai yang menyeru supaya suatu Kertas Putih Kerajaan dikeluarkan atas pinjaman-pinjaman BMF itu, saya telah pun menganggarkan bahawa pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF kepada tiga "creditors"nya sahaja di Hong Kong iaitu Carrian Investments, Eda Holdings dan Kevin Hsu adalah dalam lingkungan kira-kira \$2,000 juta.

Namun begitu ekoran daripada pendedahan baru-baru ini dalam mahkamah Hong Kong, anggaran ini mungkin terpaksa disemak ke atas. Salah seorang dari ketiga siberhutang BMF yang termasyur, Kevin Hsu, telah dilaporkan dalam akhbar antarabangsa sebagai berhutang sebanyak HK\$1,000 juta kepada BMF. Bersama dengan

hutang Eda Holdings serta pinjaman-pinjaman lain yang diberikan oleh BMF kepada pinjaman-pinjaman lain di Hong Kong, jumlah besar pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong mungkin berada dengan mudahnya dalam lingkungan \$2,500 juta hingga \$3,000 juta memandangkan pinjaman-pinjaman besar itu diberikan oleh BMF dengan cara tidak berhati-hati (reckless) dan kurang kebijaksanaan (imprudent).

Saya ingin menyeru Kerajaan memberitahu Parlimen jumlah besar pinjaman-pinjaman yang diberi oleh BMF di Hong Kong.

Soalan kedua, berapakah kerugian BMF akan mengalami? Persoalan kedua ini ialah berapakah kerugian yang akan dialami oleh BMF dan syarikat ibunya, Bank Bumiputra, yang telah, dengan izin, assumed the liabilities, obligations and commitments of BMF? YAB Perdana Menteri telah menganggarkan bahawa BMF boleh mendapatkan balik kira-kira 25-30 peratus dari pinjaman-pinjaman BMF tersebut sementara kalangan kewangan pula di Hong Kong mengangap bahawa perolehan kembali 20% pun adalah terlalu optimistik.

Katakanlah hanya 20% dapat diperolehi balik berdasarkan jumlah besar pinjaman yang rendah sebanyak \$2,500 juta, ini akan bermakna BMF dan Bank Bumiputra akan mengalami kerugian \$2,000 juta—suatu jumlah wang yang besar dan seperti ada dihitungkan pada hari Sabtu lalu oleh rakan saya Pengerusi Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin, jumlah tersebut boleh digunakan untuk membina 120,000 yunit rumah kos rendah atau 150,000 bilik darjah.

Soalan ketiga, siapakah dalam Bank Bumiputra yang bertanggungjawab atas pinjaman-pinjaman BMF? Persoalan-persoalan selanjutnya ialah siapakah dalam Bank Bumiputra yang

bertanggungjawab atas pinjaman-pinjaman BMF itu? YAB Perdana Menteri telah berkata bahawa Lembaga Bank Bumiputra selain dari Pengerusinya ketika itu, Tan Sri Kamarul Ariffin, tidak sedar betapa luasnya pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada Carrian. Kenyataan ini paling tidak boleh dipercayai kerana dalam Lembaga Bank Bumiputra terdapat dua orang pengarah lain iaitu Lorraine Esme Osman dan Datuk Mohamed Hashim Shamsuddin, yang juga adalah pengarah BMF yang terlibat secara langsung dalam pinjaman-pinjaman tersebut. YAB Perdana Menteri juga telah berkata bahawa juru-juruodit Bank Bumiputra telah menarik perhatian pengerusi bank mengenai betapa luasnya pinjaman-pinjaman BMF kepada Carrian.

Tan Sri Kamarul Ariffin telah menafikan bahawa beliau tahu menahu tentang pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF kepada Carrian dan telah menekankan bahawa perkara tersebut tidak pernah dibawa untuk dibincang dalam mesyuarat Lembaga Bank dan juga beliau tidak bertanya mengenainya. Sehingga sekarang, beliau belum lagi lihat laporan juru-juruodit luar berhubung dengan pinjaman-pinjaman besar kepada Carrian. Beliau juga telah mengatakan bahawa beliau menjadi pengerusi bank sehingga Mac 1982, dasarnya ialah supaya pinjaman-pinjaman tidak seharusnya diberi untuk pinjaman-pinjaman luar negeri dan bahawa beliau tidak sedar sama ada wang telah diberikan oleh Bank Bumiputra kepada BMF.

Tan Sri Kamarul Ariffin selanjutnya telah membayangkan bahawa skandal pinjaman BMF di Hong Kong merupakan perkembangan yang telah berlaku selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi. Maka kata beliau penyata kira-kira BMF tidak menunjukkan apa-apa angka pinjaman

yang luar biasa dan beliau sendiri terkejut untuk membaca penyata kira-kira BMF yang dikeluarkan selepas beliau meletak jawatan yang telah menunjukkan pinjaman-pinjaman besar yang luar biasa telah dikeluarkan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat).

Apa yang dikatakan oleh Tan Sri Kamarul Ariffin adalah penting kerana laporan tahunan BMF bagi tahun 1982 menunjukkan bahawa pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF yang masih belum dijelaskan pada akhir 1982 telah meningkat sebanyak 145%, dari HK \$2.032 juta pada hujung tahun 1981 kepada HK\$4,972 juta pada hujung tahun 1982 dan peminjaman baru tersebut dibiayai penuh oleh Bank Bumiputra yang telah memasukkan HK \$2,282 juta ke dalam BMF dalam tahun 1982.

Soalannya ialah sama ada peningkatan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong dalam tahun 1982 berlaku semasa Tan Sri Kamarul Ariffin menjadi Pengerusi Bank Bumiputra atau selepasnya. Sekiranya, pinjaman-pinjaman tersebut diberi selepas Tan Sri Kamarul Ariffin letak jawatan, maka Pengerusi baru Bank Bumiputra, Dr Nawawi Mat Awin, haruslah menjelaskan perkara ini kerana beliau hendaklah memikul tanggungjawab atas peningkatan sebanyak 145% dalam jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF.

Malangnya, Dr Nawawi setakat ini hanya telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak mempunyai makna sama sekali seperti kenyataan-kenyataan yang tidak mempunyai makna sama sekali seperti kenyataan yang dikeluarkannya minggu lalu yang mengatakan bahawa selain daripada BMF, bank dan kumpulan-kumpulan bank adalah berjalan dengan baik dan hasil perjalanan ini akan lebih baik

apabila dibandingkan dengan tahun-tahun yang dahulu kerana keuntungan-keuntungan Kumpulan tersebut akan lenyap serta menempatkan Kumpulan tersebut "in the red" akibat kerugian besar sebanyak \$2,000 juta BMF.

Namun demikian, kenyataan Tan Sri Kamarul Ariffin bahawa apabila beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Bank Bumiputra beliau tidak tahu menahu tentang pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF kerana wang Bank Bumiputra tiada diberi kepada BMF adalah terlalu tidak bertanggungjawab dan tidak boleh dipercayai. Ini disebabkan Laporan dan Kira-kira Pengarah BMF bagi tahun 1981 menunjukkan dengan jelasnya bahawa BMF berhutang dengan ibu syarikatnya, Bank Bumiputra, sebanyak HK\$1,879 juta di hujung tahun 1981 berbanding dengan HK\$1,088 juta pada hujung tahun 1980.

Tambah pula, apakah Tan Sri Kamarul Ariffin benar-benar boleh menyatakan yang beliau tidak tahu menahu bahawa jumlah pinjaman yang diberikan oleh BMF yang masih belum lagi dijelaskan pada hujung tahun 1980 ialah sebanyak HK\$1,258 juta dan ini telah bertambah sebanyak 61.5 peratus kepada HK\$2,032 juta pada hujung 1981?

Bagaimanakah Pengerusi Eksekutif dan kesemua Pengarah-pengarah lain Bank tersebut yang telah meminjam berbillion-billion ringgit kepada anak syarikatnya tidak tahu langsung mengenai perkara tersebut, atau bagaimanakah Bank Negara dan juga juruodit-juruodit dalam dan di luar Bank Bumiputra membenarkan urusan yang tiada cermat itu berterusan.

Juga terdapat pertikaian sama ada Tan Sri Kamarul Ariffin diminta meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra kerana penglibatannya dalam hal BMF seperti

dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemudiannya disahkan oleh sumber-sumber Bank Bumiputra tetapi ini pula dipertikaikan oleh Tan Sri Kamarul Ariffin sendiri apabila beliau mengatakan yang beliau telah meletakkan jawatan setelah mencapai apa yang beliau ingin membuat—yakni memindahmilik saham-saham Bank Bumiputra kepada kaum bumiputera apabila PNB membeli majoriti sahamnya.

Tuan Yang Dipertua, namun demikian sekiranya benar Tan Sri Kamarul Ariffin telah diminta meletakkan jawatan disebabkan peristiwa BMF, maka anggapan-anggapan yang berikut boleh dibuat:

Pertama, bahawa menurut pengakuan Tan Sri Kamarul Ariffin sendiri, dari Ogos 1981 hingga hujung tahun tersebut, beliau terpaksa berada di rumah kerana menghidap penyakit 'hepatitis', maka pihak berkenaan telah menyedari pada akhir tahun 1981 betapa perlunya beliau digantikan disebabkan keuzuran beliau. Ini disebabkan kerana pasti masa dierlukan untuk memahami jumlah pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF serta juga krisis Kewangan Bank Bumiputra. Adalah mustahil untuk menyatakan keputusan tersebut dibuat tergesa-gesa dalam bulan Februari atau Mac 1982.

Kedua, bahawa pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF dalam tahun 1982 yang mengatasi jumlah pinjaman yang diberi dalam tahun 1981 sebanyak 145% tanpa pengetahuan Tan Sri Kamarul Ariffin.

Namun, sekiranya Tan Sri Kamarul Ariffin meletakkan jawatan atas dayanya sendiri, maka kedua-dua anggapan tadi tidak boleh dipakai.

Saya sampai soalan keempat, apakah peranan Bank Negara dalam skandal BMF?

Kita kini sampai pula kepada soalan ini. Tan Sri Kamarul Ariffin telah berkata bahawa Bank Bumiputra mempunyai pertalian khas dengan Kerajaan dengan ciri-ciri tertentu yang tidak didapati di bank-bank lain dan bahawa tiada keputusan penting dilakukan tanpa pengetahuan dan persetujuan Bank Negara. Keengganan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Abdul Aziz Taha, untuk berkomen ke atas kenyataan Tan Sri Kamarul Ariffin tidak 'absolve' tanggungjawab Bank Negara dalam membenarkan Bank Bumiputra mengikatkan diri dengan pinjaman-pinjaman BMF.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata pada 11hb Oktober bahawa Bank Negara 'nampaknya tidak sedar akan peristiwa' pada awalnya tetapi kini siasatan sedang dijelankannya. Kenyataan ini adalah mengejutkan kerana dua sebab: Pertama, apakah Bank Negara mahukan rakyat mempercayai yang ia tidak membaca penerbitan laporan-laporan tahunan Bumiputra Malaysia Finance, Publish Report BMF yang mendedahkan bahawa dalam tahun 1980, BMF telah berhutang Bank Bumiputra sebanyak HK\$1,088 juta dan telah mengeluarkan pinjaman-pinjaman sebanyak HK\$1,258 juta; sementara dalam tahun 1981 pula, BMF telah berhutang Bank Bumiputra sebanyak HK\$1,879 juta dan telah mengeluarkan pinjaman-pinjaman sebanyak HK\$2,032 juta, atau apakah Bank Negara telah membaca laporan-laporan tersebut tanpa melihat isyarat-isyarat bahaya? Sekiranya Bank Negara tidak sedar akan pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF dalam tahun 1980 dan 1981 (dalam kata-kata Tan Sri Abdul Aziz Taha mengenai peristiwa BMF) melampaui batasan-batasan bank, maka Bank Negara telah lalai dalam tugasnya untuk menggalakkan suatu struktur bank yang kukuh dan moden serta

menjalankan penyeliaan dan pengawalan yang berkesan ke atas bank-bank dan institusi-institusi kewangan mereka.

Kedua, bahawa setakat ini selepas kira-kira dua tahun semenjak pihak Kerajaan menyedari, bahawa BMF merupakan satu kes yang terlalu 'scandalous' yang memerlukan Tan Sri Kamarul Ariffin digantikan, Bank Negara masih belum lagi menyiapkan siasatannya. Inilah pula menimbulkan persoalan tentang 'competence' dan kecekapan Bank Negara sendiri.

Nyatalah, Parlimen dan rakyat berhak mengetahui apakah yang dibuat oleh Bank Negara untuk cuba mencegah skandal pinjaman BMF itu; sama ada ia telah lalai dalam kerjanya ataupun ia dihalang daripada menjalankan tanggungjawabnya sebagai 'custodian' kewibawaan bank di Malaysia oleh campurtangan politik dari kalangan-kalangan yang berpengaruh.

Tuan Yang Dipertua, soalan kelima, mana satu Menterikah yang bertanggungjawab secara langsung ke atas Bank Bumiputra?

Suatu pendedahan yang amat mengejutkan ekoran skandal BMF ialah 'breakdown of authority' di mana tiada mana-mana Menteri yang tahu siapakah yang benar-benar bertanggungjawab ke atas Bank Bumiputra.

Dalam bulan Februari tahun ini, selepas ucapan termasyhur di Sri Gading, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai penyelewengan-penyelewengan dalam Bank Bumiputra. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, telah berkata di Kuala Lumpur bahawa Bank Bumiputra adalah di bawah tanggungjawab Perdana Menteri dan bahawa Lembaga Bank Bumiputra adalah bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri.

Akan tetapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata dalam kenyataannya bertarikh 11hb Oktober bahawa Bank Bumiputra telah berada di bawah Kementerian Kewangan semasa tempoh seluruh skandal BMF dan ia masih berada di bawah Kementerian Kewangan sehingga kini.

Apabila saya bertanya Yang Amat Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari keesokannya di Dewan yang mulia ini semasa soal jawab siapakah yang benar-benar bertanggungjawab ke atas Bank Bumiputra, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menjawab bahawa sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan beliau yang bertanggungjawab, maka beliau yang bertanggungjawab. Apakah jenis jawapan itu?

Pertikaian ini tentang mana atau siapa Menterikah yang bertanggungjawab ke atas Bank Bumiputra adalah lebih mengganggu daripada skandal pinjaman BMF kerana ia menunjukkan kemungkinan kegagalan 'collapse' pimpinan Kerajaan apabila Jemaah Menteri terkeliru dengan peruntukan (allocation) berbagai-bagai tanggungjawab Menteri.

Parlimen hendak menuntut satu penjelasan penuh daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tentang bagaimana kekeliruan ini boleh timbul yang membawa kepada satu keadaan di mana tiada seorang pun yang benar-benar bertanggungjawab atas Bank Bumiputra.

Soalan keenam, mengenai jenayah yang jijik. Apa yang rakyat Malaysia mendapati sukar untuk diterima ialah walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mensifatkan skandal pinjaman BMF sebagai satu jenayah yang memjijik (heinous crime) nampaknya tidak ada sebarang

penjenayah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Tan Sri Kamarul Ariffin dan juga empat pegawai kanan yang lain anak Syarikat Bank Bumiputra di Hong Kong (BMF), telah menerima 'bayaran perunding' (consultant fees) sebanyak HK\$3.3 juta dari BMF antara 1979 dan 1981. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa ini adalah salah dari segi moral sungguhpun apa yang dilakukan mereka adalah dalam lingkungan undang-undang dan maka dengan sebab itu mereka tidak akan dibawa ke mahkamah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi dua gambaran kepada orang ramai. Pertama, nampaknya beliau begitu pantas dalam mengabsolvekan setiap orang dari liabiliti undang-undang dengan mengatakan mereka adalah salah dari segi moral sahaja. Tetapi absolution akan liabiliti undang-undang mereka nampaknya dibuat terlalu deras dan disalah nasihati. Namun, sekiranya kita menerima kata-katanya pada 'face-value' bahawa Kerajaan tidak mempunyai kes untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka kerana mereka hanya salah dari segi moral, maka adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan untuk melucutkan gelaran Tan Sri dan Datuk daripada mereka kerana mereka telah membawa malu kepada darjat-darjat mereka menerusi 'moral turpitude' mereka?

Gambaran kedua yang diberikan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menghabiskan begitu banyak masa atas perkara bayaran perunding sebanyak HK\$3.3 juta sedangkan apa yang terlibat ialah \$2,500 juta. Rakyat akan mendapati sukar untuk dipercayai bahawa dalam skandal BMF yang melibatkan \$2,500 juta, jenayah-jenayah yang menjijik telah dilakukan tanpa

penjenayah. Syak wasangka orang ramai bahawa terdapat 'cover-up' adalah sukar untuk ditolak.

Penafian yang dibuat oleh Tan Sri Kamarul Ariffin bahawa beliau tidak menerima bayaran perunding dari BMF dan ketidakpercayaan Perdana Menteri untuk membuktikan tuduhannya telah melemahkan lagi keseluruhan kredibiliti Kerajaan dalam peristiwa BMF.

Soalan ketujuh, peranan Badan Pencegah Rasuah. Satu lagi bab yang menyedihkan ekor skandal BMF ialah peranan Badan Pencegah Rasuah. Adalah dilaporkan Khamis lalu bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menyiasat peristiwa BMF kerana tidak ada siapa-siapa yang meminta Badan Pencegah Rasuah menyiasat mana-mana aspek perkara tersebut. Adalah menjadi sifat tipikal Badan Pencegah Rasuah untuk menjadi buta dan pekak kepada skandal-skandal dan amalan-amalan rasuah dan ia hanya bernyawa menghadapi ikan-ikan kecil sahaja dan ini pernah diakui oleh Timbalan Menteri Kewangan, Dr Ling Liong Sik.

Takkanlah BPR tidak sedar akan laporan Jurnal *Asian Wall Street* bertarikh Mac, 18 dan 19, 1983 yang mana jurnal tersebut telah menamakan orang-orang serta butir-butir mengenai urusan mereka secara terperinci yang sekiranya benar nyata termasuk ke dalam bidangkuasa Badan Pencegah Rasuah. Maka *Asial Wall Street* Journal telah melaporkan bahawa pengarah Bank Bumiputra yang juga adalah pengarah BMF, Hashim Shamsuddin, telah menjadi seorang pengarah sebuah syarikat kecil Hong Kong bernama Silver Presents Ltd. pada 5hb September, 1981. Isterinya, Margaret Rose Pinder, memiliki separuh syarikat tersebut. Tiga hari kemudian, Silver Presents telah menerima sekeping cek bernilai HK\$3.6 juta dari akaun isteri

spekulator hartanah, Chung Chin-man. Dua hari kemudian selepas cek tersebut dikeluarkan, BMF telah meminjam kepada kumpulan EDA kepunyaan Encik Chung sejumlah US\$40 juta. Cagaran atau collateral bagi pinjaman tersebut ialah 115 juta saham EDA yang kini hampir tidak mempunyai apa-apa nilai kerana EDA sendiri telah masuk ke dalam 'liquidation' dengan hutangnya yang berjumlah HK\$2 billion.

Assian Wall Street Journal yang sama juga telah mengatakan bahawa pada hari Silver Presents menerima cek bernilai HK\$3.6 juta, sebuah syarikat swasta Hong Kong yang lain, Knife & Dagger Ltd telah menerima sekeping cek untuk amaun yang sama dari akaun isteri Encik Chung. Jurnal tersebut juga telah melaporkan bahawa rekod-rekod Kerajaan Hong Kong menunjukkan bahawa pemegang-pemegang saham Knife & Dagger adalah Pengerusi Carrian, George Tan, dan Setiausahanya, Carrie Woo. Knife & Dagger Ltd telah diperbadankan dalam bulan November 1979. Dalam bulan Januari 1980, syarikat tersebut telah menyimpan HK\$372,000 dengan Wing Lung Bank Ltd untuk menjamin suatu kemudahan banking bagi mengurus besar BMF, Ibrahim Jaffar. Jurnal tersebut melaporkan bahawa pada waktu yang sama, Ibrahim telah menerima kemudahan HK\$1 juta yang dijamin oleh Carrian Holdings Ltd.

Tuan Yang Dipertua, setahu saya, kedua-dua orang tersebut yang dinamakan oleh Jurnal *Asia Wall Street* tidak mengambil tindakan undang-undang untuk menyaman malu jurnal tersebut. Kedua-dua orang ini sememangnya menjadi subjek yang sesuai bagi BPR untuk memulakan siasatannya. Badan Pencegah Rasuah membanggakan dirinya sebagai bebas dan berkecuali dan tidak tertakluk kepada seruan-seruan parti

pemerintah. Pada hujung minggu lalu, saya telah cuba untuk membuat suatu 'appointment' dengan pegawai-pegawai kanan Badan Pencegah Rasuah untuk membincang skandal BMF tetapi pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah begitu bebas sehingga mereka tidak berani memanggil balik Setiausaha saya, Madhavan Nair. Saya tidak ragu-ragu bahawa sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu berjumpa dengan mereka, BPR akan berlari kepadanya. Inilah kebebasan dan perkecualian BPR.

Tuan Yang Dipertua, soalan kelapan, Peranan Permodalan Nasional Bhd.

Disebabkan PNB telah menjadi pemegang saham majoriti dengan memiliki 80% saham Bank Bumiputra dan dengan pelaburan sebanyak \$621 juta baru-baru ini olehnya ke dalam tabung pemegang saham bank tersebut yang telah meningkatkan tabung tersebut dari \$644 juta ialah modal saham \$470 juta dan rizabnya \$168 juta kepada \$1,265 juta, maka PNB harus memberi satu penjelasan penuh khasnya kepada 1.3 juta pelabur-pelabur Bumiputera dalam skim Amanah Saham Nasional tentang sama ada kepentingan-kepentingan mereka telah dimudaratkan akibat pemegangan saham majoriti oleh PNB di dalam Bank Bumiputra. Akibat ini skandal BMF dan Bank Bumiputra kini juga telah menjadi skandal PNB dan ASN.

Soalan kesembilan, apakah kerumitan-kerumitan yang dialami oleh BMF adalah hasil kejatuhan pasaran hartanah di Hong Kong atau ianya adalah lebih mendalam dengan sabitan BMF dalam penipuan koperat yang terbesar sekali dalam sejarah.

Dari kenyataan yang dibuatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11hb Oktober, kita didesak seolah-olah untuk

mempercayai bahawa kerumitan-kerumitan dan krisis-krisis BMF dicipta akibat pengendalian secara 'ham-fisted' perhubungan China-Hong Kong oleh pihak British yang telah menyebabkan kejatuhan pasaran hartanah Koloni British tersebut.

Sungguhpun benar kejatuhan pasaran hartanah dan saham pada penghujung tahun 1982 telah mencipta suatu krisis ekonomi di Hong Kong, ini tidaklah sepatutnya membutakan kita kepada hakikat bahawa skandal pinjaman BMF adalah lebih mendalam; yakni penglibatan BMF dalam penipuan corporate yang mungkin di antaranya terbesar sekali dalam Sejarah.

Fenomena George Tan dan Carrian adalah ciptaan BMF belaka. Perbicaraan George Tan di Hong Kong mungkin akan mendedahkan bukan sahaja penipuan-penipuan yang dilakukan oleh George Tan tetapi juga akan mendedahkan peranan yang dimainkan oleh BMF.

Apakah atas sebab inilah pegawai-pegawai BMF telah terlibat dalam mengumpulkan wang jaminan atau bail \$15 juta yang dituntut oleh mahkamah Hong Kong untuk membolehkan George Tan dibebaskan? Mengapakah pegawai-pegawai BMF mengambil berat begitu sangat (solicitous) mengenai kebajikan seorang yang mungkin telah menyebabkan BMF dan rakyat Malaysia kehilangan kira-kira \$1,700 juta? Apakah ini dibuat untuk mendapatkan "goodwill" George Tan untuk bekerjasama untuk menyorokkan peranan BMF dalam fenomena George Tan dan Carrian? Apakah Lembaga Pengarah Bank Bumiputra dan BMF membenarkan pegawai-pegawai BMF membantu dalam mengumpulkan wang bagi George Tan?

Tuan Yang Dipertua, perkara kesepuluh—sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja. Adalah amat perlu

sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan untuk bukan sahaja penyiasatan skandal pinjaman BMF dan Bank Bumiputra tetapi juga untuk memulihkan keyakinan kebangsaan dan antarabangsa ke dalam institusi-institusi bank dan kewangan di Malaysia serta juga untuk mengekalkan semula credibility dan authority pucuk pimpinan politik negara.

Suruhanjaya Siasatan Diraja adalah perlu terutama sekali kerana terdapat desas-desus sejak beberapa ketika ini yang mengatakan bahawa orang-orang politik yang terkemuka sehingga peringkat Jemaah Menteri atau bekas Menteri-menteri telah terlibat dalam skandal pinjaman BMF. Ini memang boleh dipercayai kerana hanya sebilangan kecil rakyat kita sahaja yang akan mempercayai bahawa beberapa orang pengaruh dan pegawai BMF berani mengkomitkan Malaysia sehingga kira-kira \$2,500 juta.

Satu sumber yang memetik seorang pegawai tinggi koloni British itu sebagai berkata bahawa terdapat tanda-tanda yang menunjukkan siasatan dan perbicaraan Carrian akan melibatkan pegawai-pegawai tinggi sehingga ke peringkat Kabinet sebuah negara tetangga. Kita tidaklah boleh menunggu sehingga siri perbicaraan George Tan bermula dengan diiringi dengan letupan bom-bom jangka BMF. Kita hendaklah mempunyai kerekter dan kemahuan politik untuk menjalankan siasatan-siasatan kita sendiri ke dalam peristiwa BMF. Dan apa yang diberikan, dengan izin, "dark hints" oleh Tan Sri Kamarul Ariffin bahawa Malaysia mungkin akan menghadapi banyak lagi masalah-masalah seperti Carrian, lebih lagi dua tiga Carrian, khasnya yang melibatkan PNB harus dijadikan alasan yang tidak boleh dicabar untuk penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja kerana sekiranya tidak, ia akan memberi suatu gambaran seolah-olah

Kerajaan telah takut dengan ugutan Tan Sri Kamarul Ariffin bahawa banyak lagi skandal seperti Carrian akan didedahkan sehingga Kerajaan menyapukan segala-galanya di bawah permaidani.

Ingin juga saya tahu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengesah atau menafikan sama ada Hashim Shamsuddin adalah bendahari Jawatankuasa Tabung Bangunan UMNO kerana pertalian-pertalian seumpama itu akan menimbulkan anggapan-anggapan atau "inferences" yang hanya boleh dibersihkan oleh sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah membuat satu keputusan awal untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja. Suruhanjaya tersebut hendaklah mengandungi rakyat Malaysia yang mempunyai integriti yang tidak boleh diragu-ragukan yang dihormati dan mendapat keyakinan seluruh pelusuk masyarakat Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidaklah sepatutnya membuat kesilapan yang dibuat oleh Presiden Marcos apabila beliau melantik sebuah Suruhanjaya Siasatan ke dalam pembunuhan Ketua Pembangkang Filipina, Aquino, yang terpaksa digantikan dengan sebuah Suruhanjaya baru kerana ahli-ahli Suruhanjaya tersebut tidak dihormati ramai.

Sebuah Siasatan Diraja ke dalam BMF hendaklah dilakukan secara awam dengan kuasa yang penuh untuk menyiasat segala aspek skandal pinjaman BMF termasuk peranan-peranan yang dimainkan oleh Bank Bumiputra, juru-juruaudit dalam dan luar serta juga Bank Bumiputra.

Tuan Yang Dipertua, perkara kesebelas, sama ada kesalahan-kesalahan ada dibuat. Sekarang saya akan membangkitkan operasi-operasi berleluasa Pengarah-pengarah Bank Bumiputra, khususnya Dr Nawawi Mat Awini selaku Pengerusinya, untuk

memesongkan perhatian orang awam daripada keadaan akaun-akaun Bank Bumiputra serta cawangan-cawangannya yang benar.

Saya telah menunjukkan laporan Pengarah-pengarah 1982 dan akaun-akaun Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada pakar-pakar Undang-undang Syarikat yang telah menasihatkan saya bahawa berdasarkan kedua-dua ini sahaja, tidak lain atas kedua-dua laporan itu sahaja, Pengerusi Eksekutif serta Pengarah-pengarah Bank Bumiputra telah gagal beberapa kali untuk mematuhi keperluan-keperluan Seksyen 169 Akta Syarikat, yang direka untuk melindungi kepentingan-kepentingan pemegang-pemegang saham serta orang awam.

Seksyen 169 (5) Akta Syarikat, 1965 adalah memperuntukkan bahawa Pengarah-pengarah sesuatu syarikat terpaksa melampirkan suatu laporan yang ditandatangani oleh atau bagi pihak pengarah-pengarah kepada setiap lembaran imbalan dalam laporan tahunan Pengarah-pengarah dan akaun-akaun, berhubung dengan kedudukan hal ehwal syarikat tersebut, dengan izin, if the company is a holding company with respect to the state of affairs of the holding company and all of its subsidiaries.

Seksyen 169 (6) dan Seksyen-seksyennya yang lebih kecil memperuntukkan bahawa laporan tersebut akan menyatakan dengan cukup terperinci. Di sini saya minta izin untuk sebut 3 seksyen yang kecil sahaja:

“(a) whether or not the results of the operations of the company and of its subsidiaries in the period covered by the profit and loss account have in the opinion of the directors been materially affected by items of an abnormal character;

(b) X X X X X X X X X X

(c) whether or not any circumstances have arisen which render adherence to the existing method of valuation of assets or liabilities of the company misleading or inappropriate;

(d) whether any contingent liabilities which have not been discharged have been undertaken by the company or by any of its subsidiaries in the period covered by the profit and loss account and, if so, the amount thereof and whether or not any such contingent liability has become enforceable or is likely to become enforceable within the succeeding period of twelve months which will materially affect the company in its ability to meet its obligations as and when they fall due;”

Tuan Yang Dipertua, ketidakpatuhan kepada peruntukan-peruntukan ini di bawah Seksyen 169 (6) seperti yang didapati dalam Laporan Pengarah-pengarah Bank Bumiputra bagi 1982, adalah bermakna mereka boleh disabitkan bersalah di bawah Seksyen 171, yang membuat peruntukan bagi penalti 2 tahun penjara atau denda \$5,000.

Bagaimanakah boleh Laporan Pengarah-pengarah Bank Bumiputra bagi tahun 1982 menyatakan bahawa keputusan-keputusan Bank dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1982, dengan izin, “have not been materially affected by ‘items of an abnormal character’”, manakala kesemua saham-saham serta pasaran harta telah mengalami keluputan yang paling teruk di Hong Kong dan sebelum akhir tahun 1982, ketiga-tiga si peminjam BMF yang terbesar iaitu Carrian Investments, Eda dan Kevin Hsu telah gagal membayar balik hutang-hutang mereka.

Menjelang akhir 1982, telah menjadi jelas bahawa BMF berjaya mendapatkan balik hanya sebahagian kecil daripada pinjaman-pinjaman sebanyak HK\$4,972 juta itu. Inilah sebabnya mengapa Juru-juruodit BMF di Hong Kong iaitu Touche Ross and Company, Chartered Accounts/Certified Public Accounts telah menolak memberikan suatu pengesahan bersih (clean certificate) akan akaun-akaun BMF 1982 itu. Touche Ross dan Rakan-rakan hanya mengesahkan Akaun-akaun 1982 setelah menjelaskan bahawa *dengan izin* "the parent company (Bank Bumiputra) has given an undertaking to assume the liabilities, obligations and commitments of the company should the borrowers of the company become insolvent."

Jadi, masa itu kemungkinan keadaan tidak boleh bayar oleh Carrian, Eda dan Kevin Hsu telah menjadi paling jelas menjelang akhir 1982, tetapi butir "of an abnormal character" ini yang melibatkan HK\$4,972 juta terhadap mana Bank Bumiputra terpaksa menanggung "fill liabilities, obligations and commitments" dan yang mampu memusnahkan kesemua tabungan pemegang-pemegang saham Bank Bumiputra, langsung tidak disebutkan. Ini adalah bercanggah dengan Seksyen 169 Akta Syarikat.

Lagi, bagaimanakah mungkin Pengarah-pengarah Bank Bumiputra mengesahkan bahawa tiada apa-apa keadaan timbul yang akan menjadikan sebarang penganutan kaedah penilaian aset dan liabiliti bank dan kumpulannya itu misleading or inappropriate, manakah Pengarah-pengarah ini tidak menyediakan peruntukan-peruntukan yang mencukupi bagi pinjaman-pinjaman BMF yang lapuk (doubtful or bad) serta diragukan untuk mana mereka menjadi penjamin?

Seterusnya dalam laporan mereka bertarikh 13hb Jun 1983, bagaimanakah dapat Pengarah-pengarah Bank Bumiputra menyatakan bahawa no contingent liabilities have become enforceable or are likely to become enforceable within the succeeding period of twelve months which will materially affect the Bank or the group in their ability to meet their obligations as and when they fall due.

Tuan Yang Dipertua, manakah menjelang Jun 1983 ini dibuat? Adakah menjadi jelas bahawa operasi menyelamatkan Carrian, umpamanya, mungkin tidak akan berjaya, dan Bank Bumiputra mungkin dikehendaki menemui obligasi-obligasi dan contingent liability itu seperti dibuktikan selepasnya, walaupun perisytiharan dibuat bahawa tiada liability contingent are likely to become enforceable within the succeeding period of twelve months, iaitu sampai Jun 1984 contingent liability akan di-enforce hanya dalam masa 3 bulan dari Laporan Pengarah-pengarah, empayar Carrian telah jatuh sama sekali.

Saya telah diberitahu bahawa berdasarkan hanya kepada Laporan Pengarah-pengarah bagi 1982 sahaja dan tanpa mengambil kira kenyataan-kenyataan extraneous dan perkembangan-perkembangan yang dapat mengukuhkan kes-kes, Pengarah-pengarah Bank Bumiputra telah gagal menuruti keperluan-keperluan Akta Syarikat dalam Seksyen 169 berhubung dengan pendedahan (disclosure) dalam Laporan Tahunan mereka, dan adalah bersalah juga di bawah Seksyen 171.

Saya tahu bahawa Seksyen 169 (16) ada memperuntukkan khas untuk bank yang berbunyi:

(Dengan izin)

"The form and content of the reports of the directors and the annual balance-sheet and profit and

loss account shall apply to a banking corporation with such modifications and exceptions as are determined either generally or in any particular case by the Bank Negara Malaysia.”

Tetapi Seksyen kecil ini tidaklah boleh dianggap bermakna bahawa Pengarah-pengarah Bank adalah dikecualikan dari mendedahkan hal-hal material, atau untuk memberikan kepada Bank Negara untuk mensiasikan atau menidakkan matlamat Seksyen 169 berhubung dengan pendedahan (disclosure) dan buatan-buatan yang melanggar undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, saya menyeru kepada Peguam Negara untuk mendakwa Pengarah-pengarah Bank Bumiputra atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Syarikat kerana Laporan Pengarah 1982 yang memesongkan berhubung dengan skandal pinjaman-pinjaman BMF.

Kes Tarling Slater Walker yang paling masyhur di Singapura yang menerima pengesahan Privy Council telah menjelaskan tanggungjawab-tanggungjawab serta liability Pengarah-pengarah dalam hal ini.

Tuan Yang Dipertua, adalah ironis, bahawa hanya untuk pura-pura membuktikan bahawa untung-untung sebelum cukai Kumpulan yang mengkagumkan telah diperolehi, iaitu sebanyak \$84.7 juta suatu pertambahan sebanyak \$9.5 juta atau 12.7%, Kumpulan Bank Bumiputra terpaksa membuat peruntukan bagi \$40 juta dalam cukai-cukai, suatu perkara yang tidak perlu jika peruntukan-peruntukan yang mencukupi telah dibuat terlebih dahulu ke atas pinjaman-pinjaman BMF yang diragukan (doubtful). Mungkin pelabur-pelabur BNB dan ASN patut menuntut bahawa Pengarah-pengarah Bank Bumiputra sendiri mesti bertanggungjawab terhadap cukai \$40 juta yang sia-sia ini.

Menurut Laporan Bank Bumiputra bagi tahun 1982, Pengarah-pengarahnya bagi tahun berakhir 1982 adalah:

Dr Nawawi Mat Awin (Pengerusi Eksekutif) mulai 1hb April, 1982)

Datuk Mohd. Hashim Shamsuddin (Pengarah Eksekutif).

Lorraine Esme Osman.

Datuk Haji K. Mushir Ariff.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla.

John K. D. Eu.

Tan Sri Kamarul Ariffin (meletak jawatan 9hb Februari, 1983).

Senator Datuk Sulaiman Ninam Shah (meletak jawatan 13hb Mac, 1983).

Peguam Negara haruslah mendakwa kesemua kelapan Pengarah-pengarah di atas, kerana mereka adalah bertanggungjawab secara kumpulan dan individu terhadap maklumat-maklumat memesong dalam Laporan Pengarah-pengarah Bank Bumiputra yang juga bercanggah dengan Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang Dipertua, perkara 12 mengenai BMF—Peranan Jurujuaudit Bank Bumiputra Malaysia Bhd, iaitu Hanafiah Raslan dan Mohammad, Chartered Accountants/Certificated Public Accountants, yang telah mengeluarkan sijil mengesahkan kesempurnaan akaun-akaun Bank Bumiputra 1982, tanpa apa-apa syarat atau qualification dan mengisytiharkan dan memberi satu clean certificate bahawa akaun-akaun serta laporan-laporan yang terkandung di dalamnya memberikan hal ehwal bank (a true and fair view) sediakala pada 31hb Disember, 1982.

Ini mengingatkan saya akan Kertas Putih Kerajaan ke dalam fiasco Bank Rakyat dalam tahun 1979, yang telah menyumbangkan kecurangan Bank Rakyat kepada Pengarah Pengurusan dan pegawai-pegawai bank, tetapi

Kertas Putih ada kata bahawa jika Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pendaftar Persatuan-persatuan Koperatif dan juruodit luar adalah menjalankan tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya mungkinlah kelakuan, kerugian dan kecurangan boleh dikurangkan.

Kertas Putih ini menyatakan bahawa juru-juruaudit Bank Rakyat, Kassim Chan dan Rakan-rakan gagal memberikan komen mengenai beberapa isu yang penting di dalam akaun-akaun 1973 dan 1974 yang dihadapkan kepada anggota-anggota Bank pada Mesyuarat Agung Tahunan pada 6hb September, 1975. Seterusnya, ia menyatakan bahawa penyiasatan-penyiasatan Price Waterhouse telah membongkarkan bahawa juru-juruaudit tidak mengeluarkan komen-komen yang mencukupi berhubung dengan:

- (a) penyelenggaraan rekod-rekod pengakuan yang wajar;
- (b) peruntukan-peruntukan bagi pinjaman-pinjaman yang diragukan;
- (c) penilaian pelaburan-pelaburan dalam stok dan saham manakala harga pasaran adalah jauh lebih rendah daripada kos wajarnya.

Seksyen 174 Akta Syarikat memerlukan setiap juruaudit untuk menyatakan sama ada dalam pendapat beliau, lembaran imbangan serta akaun untung-rugi memberikan dengan izin, a true and fair view of the state of the company's affairs, dan juga jika laporan Pengarah-pengarah telah memenuhi keperluan-keperluan Akta tersebut.

Jika Pengarah-pengarah Bank Bumiputra telah gagal memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Akta Syarikat dalam laporan 1982nya, maka juru-juruauditnya juga

telah melakukan suatu kecuaiian, kelalaian profesional yang serius dengan memberikan suatu laporan bersih serta tidak disqualifykan.

Juru-juruaudit adalah liable terhadap kerugian-kerugian yang dialami oleh pelanggan-pelanggan mereka kerana pengauditan lalai atau bersifat penipuan. Tetapi dalam kes Kassim, Chan dan Rakan-rakan, saya tidak menyedari sama ada Bank Rakyat telah mengambil apa-apa tindakan terhadap juru-juruauditnya untuk mendapatkan balik \$150 juta kerugian yang dialami. Setahu saya, suatu pergantungan (suspension) 3 bulan sahaja telah diputuskan ke atas mereka, yang merupakan suatu denda yang paling ringan.

Saya menyeru kepada pihak-pihak berkuasa untuk bersama-sama mengkaji peranan juru-juruaudit di dalam skandal pinjaman BMF dan Bank Bumiputra.

Akhir sekali, saya adalah paling terganggu oleh sebuah laporan di akhbar tempatan hari ini yang menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengadu secara rasmi kepada pihak-pihak berkuasa Hong Kong, menentang penggunaan beberapa dokumen BMF di dalam kes melibatkan Boss Carrian, George Tan.

Menurut laporan itu, Kerajaan Malaysia adalah berpendapat bahawa pihak Polis Hong Kong adalah bersifat 'unethical' dalam menggunakan dokumen-dokumen BMF yang dirampas berhubung dengan pembunuhan Jalil Ibrahim, dalam perbicaraan George Tan. Menurut laporan itu lagi, polis Hong Kong telah merampas beratus-ratus dokumen dari BMF dan lebih daripada 150 kotak dokumen dari ibu pejabat Carrian pada 9hb dan 10hb September, walhal hanya aspek berhubung dengan pinjaman-pinjaman BMF yang disiasat oleh mereka.

Tanggapan yang telah timbul serta diperkukuhkan oleh perkembangan-perkembangan sebelum ini daripada penglibatan pegawai-pegawai BMF dalam usaha mengumpulkan wang jaminan bagi George Tan, adalah bahawa Kerajaan Malaysia telah menjadi pembela, pelindung dan penjaga Boss Carrian, George Tan.

Lebih-lebih lagi, pihak berkuasa Malaysia mempunyai banyak untuk selindungi daripada pengetahuan awam berhubung dengan hal BMF ini, bersama-sama dengan suatu pengakuan kepada pembayar-pembayar cukai Malaysia.

Inilah lebih-lebih lagi memperlihatkan betapa perlunya suatu Suruhanjaya siasatan Diraja untuk mengesyorkan rakyat Malaysia dan menjamin bahawa hasil reputan (rot) skandal pinjaman BMF dan Bumiputra belum sampai ke tahap pimpinan politik yang tertinggi.

Saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawab antara butir-butir yang telah saya bangkitkan di sini, malah yang kelebihannya boleh dilaksanakan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja, ke dalam skandal pinjaman BMF sebanyak \$2,500 juta di Hong Kong.

Tuan Yang Dipertua, itulah apa yang saya mahu ucap berkenaan dengan BMF dan memandangkan bahawa rakan-rakan saya yang lain akan membangkitkan beberapa aspek lain Belanjawan 1984, saya akan menghadkan diri saya kepada beberapa ciri Belanjawan ini yang penting.

Mula-mula sekali, adalah didapati bahawa buat pertama kalinya, Ahli-ahli Parlimen tidak dibekalkan dengan suatu salinan Anggaran-anggaran Hasil terperinci bagi tahun 1984, yang akan menyusahkan tugas mereka

untuk mengkaji hasil-hasil yang dicadangkan diperolehi dari pelbagai sumber tahun hadapan.

Hari ini saya barulah dapat anggaran ini di hadapan meja ini, tetapi sudah tak guna oleh kerana tentulah pihak Kerajaan tidak mahu kita datang ke sini untuk bincang tanpa ada masa untuk kaji kertas ini. Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah menghadkan perbelanjaan yang disebabkan terutama sekali oleh masalah-masalah imbalan pembayaran harga-harga barangan yang rendah serta pasaran-pasaran yang membeku, jumlah belanja pembangunan dikurangkan dari \$12.7 billion tahun ini kepada \$10.2 billion tahun depan. Ini akan menolong mengurangkan kurangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan kepada \$9.8 billion, berbanding dengan \$11.2 billion pada tahun 1982.

Untuk 1984, jumlah peruntukan sebanyak \$27.69 billion adalah dicadangkan, yang terdiri daripada \$19.01 billion (69%) belanja-belanja pengurusan, dan \$8.67 billion (31%) belanja-belanja pembangunan, dengan suatu anggaran kurangan belanja sebanyak atau deficit \$7,671 billion bagi tahun 1984.

Sebenarnya kurangan atau deficit \$9.8 billion bagi 1983 dan sasaran \$7.6 bilion deficit untuk tahun 1984 mungkin akan lebih tinggi, jika Kerajaan tidak ketepikan dasar kesusutan minyak negara (National Oil Depletion Policy). Dasar ini adalah direka untuk mencapai suatu keseimbangan di antara mewujudkan hasil daripada minyak mentah dan keperluan (conserve) sumber ini demi pembangunan di masa hadapan untuk generasi-generasi baru.

Sebagai contoh, laporan Perbendaharaan 1982/1983 bagi tahun 1983 yang telah dikeluarkan bersama-sama dengan ucapan Belanjawan Oktober lalu telah menetapkan sasaran

pengeluaran minyak mentah bulan Oktober lepas untuk tahun ini 300,000 tong sehari atau barrel per day, itulah apa yang ditetapkan untuk tahun 1983 pengeluaran minyak 300,000 tong sehari. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah hasil kekurangan pendapatan Kerajaan yang kian menurun tokoh-tokoh politik telah mengambil suatu keputusan dasar untuk membuka paip minyak serta mengerah telaga-telaga minyak, dengan mengabaikan langsung National Oil Depletion Policy. Dasar Susutan Minyak Kebangsaan ada menetapkan tahap maksima pengeluaran minyak mentah di bawah Rancangan Malaysia Keempat pada tahun 1985 ialah 362,900 tong sehari. Tetapi untuk tahun ini kita baca bahawa pengeluaran minyak purata sehari ialah 381,600 tong sehari, sudah lebih daripada apa akan menjadi maksima dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Sebenarnya cukai pendapatan petroleum bagi tahun 1983 telah dianggarkan oleh Belanjawan tahun lalu akan naik sedikit sahaja, sebanyak 2% berbanding dengan tahun 1982. Bahawa pada hakikatnya sekarang ia dijangka mengeluarkan kira-kira \$1,987 juta dalam tahun 1983 berbanding dengan \$2,075 juta dalam tahun 1982, satu susutan sebanyak 4.2%. Pengurangan ini adalah jauh lebih serius memandangkan bahawa pengeluaran minyak mentah telah bertambah sebanyak 26% dalam tahun 1983 berbanding dengan 1982. Jadi dalam pengeluaran minyak kita telah sampai ke tahap di mana semakin banyak dikeluarkan, semakin sedikit pula hasil yang diperolehi. Sebenarnya kalau tidak kerana pertambahan 26% dalam pengeluaran minyak tahun 1983, Malaysia akan mengalami satu kurun deficit selanjutnya sebanyak \$526 juta yang terdiri daripada \$424 juta cukai pendapatan petroleum dan \$102 juta dalam pembayaran tunai petroleum.

Keputusan Kerajaan baru-baru ini untuk mengerahkan atau 'slog the wells' tahun depan untuk menampung kejatuhan dalam hasil adalah jauh lebih merunsingkan. Hanya dalam bulan September, tahun ini, satu bulan dahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk James Ongkili telah mengumumkan bahawa pengeluaran minyak mentah pada bulan Jun telah mencapai bilangan 365,000 tong sehari dan yang akan meningkat kepada 400,000 tong sehari tahun depan. Nampaknya tak sampai sebulan selepas kenyataan Datuk James Ongkili, Kerajaan telah buat satu keputusan dasar yang baru untuk meningkatkan pengeluaran harian petroleum mentah dari Oktober hingga Disember, 1983 kepada 400,000 tong sehari, serta juga untuk meningkatkan angka-angka pengeluaran bagi tahun 1984 daripada 400,000 tong kepada 440,000 tong sehari.

Walaupun pengeluaran petroleum telah meningkat lagi, cukai pendapatan petroleum dijangka menurun lagi dari \$1,987 juta dalam tahun 1983 kepada \$1,896 juta dalam tahun 1984 disebabkan harga petroleum yang rendah. Dan disebabkan pengeluaran petroleum telah meningkat, maka bayaran-bayaran tunai petroleum akan turut meningkat sedikit sebanyak 8% dari \$478 juta kepada \$517 juta dalam tahun 1983. Sekiranya kita tidak menyeleweng daripada Dasar Susutan minyak maksima pada 362,900 tong sehari sehingga tahun 1985, maka kita patut mengeluarkan kira-kira 340,000 tong sehari sekarang pada tahun 1984 dan bukan 440,000 tong menjelang tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun begitu kalau kita mengikut struktur itu kita akan kurang pendapatan sebanyak \$548 juta, tetapi perkara yang saya mahu bangkitkan di sini ialah mengenai kadar yang begitu reckless untuk slog telaga minyak kita, untuk memberi pendapatan kepada Kerajaan

yang menghadapi masalah cash flow, tetapi inilah satu masalah yang sangat besar, sama ada kita patut menggadaikan masa depan dan generasi yang belum lahir, beranak untuk masa sekarang. Saya rasa sangat perlu satu kajian menyeluruh dibuat untuk mengkaji semula Dasar Pengeluaran Minyak, sama ada bijaksana bahawa kita meningkatkan pengeluaran minyak, khasnya oleh kerana harga minyak di pasaran dunia sangat rendah dan juga oleh kerana reserve minyak yang kita ada baru untuk 12 tahun dan jikalau kadar pengeluaran minyak ditinggikan, lebih pendek 'life span' itu. Kita tidak boleh banding dengan Saudi Arabia yang baru-baru ini ada satu laporan bahawa ada reserve yang boleh tahan kekal 150 tahun dengan kadar pengeluaran sekarang.

Saya rasa bahawa pihak Kerajaan perlu juga untuk membekalkan kepada rakyat Malaysia semua data-data, maklumat-maklumat mengenai dasar minyak supaya warganegara boleh ambil bahagian dalam keputusan mengenai dasar-dasar minyak. Ini oleh kerana sumber-sumber petroleum mentah Malaysia bukanlah menjadi harta tunggal Menteri-menteri Kerajaan atau PETRONAS, tetapi hak 'birth right' semua rakyat Malaysia dan generasi-generasi akan datang. Rakyat berhak menyertai dalam proses membuat keputusan ke atas Dasar Minyak Negara. Kini Kerajaan berlagak seolah-olah petroleum mentah adalah milikan persendirian. Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini enggan mendedahkan hak maksima pengeluaran petroleum mentah yang digariskan oleh Dasar Susutan Minyak Kebangsaan kerana mungkin ia telah banyak dilampaui. Saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuka proses pengubalan satu Dasar Minyak Kebangsaan kepada perbincangan dan penyertaan orang ramai.

Satu lagi perkara yang harus dipandang berat dalam Belanjawan 1984 adalah peningkatan berterusan hutang negara. Dalam 5 tahun kebelakangan ini, dari tahun 1979 hingga 1983 hutang negara atau 'public debt' telah bertambah sebanyak 150% daripada \$20.711 billion dalam tahun 1979 kepada jangkakan \$50.365 billion menjelang hujung tahun 1983. Komponen hutang luar negeri itu di dalam hutang awam telah bertambah dengan cepatnya dengan 300% daripada \$4,542 juta pada tahun 1979 hingga \$17,779 juta pada penghujung tahun 1983.

Akibat dari kenaikan yang ketara di dalam hutang awam, perkhidmatan bayaran hutang telah juga naik dengan melambung naiknya kepada \$3,930 juta pada tahun 1983 di mana adalah 20% dari anggaran revenue untuk tahun 1984 yang sebanyak \$19,145 juta. Ini bermakna bahawa setiap ringgit yang Kerajaan dapati untuk revenue lebih 20% pergi kepada pembayaran hutang. Saya harap bahawa pihak Kerajaan akan dapat pelajaran daripada kes-kes lain-lain negara supaya kita mahu berjaga-jaga dalam perkara ini dan tidak menjadi semacam Mexico. Janganlah kita menjadi Mexico yang kedua. Pihak Kerajaan patutlah lebih ekonomik dalam banyak bidang di mana perbelanjaan boleh dikurangkan.

Satu contoh yang sangat tidak baik ditunjukkan mengenai perlunya untuk mengurangkan perbelanjaan ialah kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berharga lebih daripada \$20 juta. Satu lagi contoh ialah pembekal kontrak untuk fasa 3 Kompleks Dayabumi yang berharga \$313 juta apabila bids (tawaran-tawaran) yang kedua kurang dekat \$70 juta. Saya rasa ini tidak boleh meyakinkan rakyat bahawa Kerajaan sebenarnya sangat jujur untuk memotong semua belanja yang tidak perlu.

Oleh kerana pemindahan teknologi dalam kes Dayabumi untuk rakyat Malaysia nampaknya tidak begitu beruntung dan satu soal yang perlu dibangkit ialah sama ada kita perlu belanja \$70 juta supaya Kompleks Dayabumi fasa 3 boleh disiapkan satu tahun lebih awal tetapi harganya ialah \$70 juta.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya masalah Kompleks Dayabumi dan lain-lain kontrek-kontrek akibat daripada dasar memandang ke Timur sudah timbul masalah-masalah di mana kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea Selatan khususnya dalam projek-projek yang beratus-ratus juta ringgit harga atau nilainya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapannya ada sebut mengenai satu masalah deficit invisibles di Malaysia yang merosot. Dalam tahun 1979 deficit invisible ialah \$4,300 juta. Dalam tahun 1982 sudah meningkat \$5,600 juta dan dalam tahun ini mungkin sampai \$6,800 juta dan Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyebut antara sebabnya ialah oleh kerana belanja yang tinggi untuk perkhidmatan konsultant-konsultant dan kontraktor-kontraktor orang asing. Saya rasa ini perlu dibetulkan dan saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan yang memberi semua maklumat-maklumat mengenai apa yang kita belanja setiap tahun untuk perkhidmatan konsultant-konsultant dan kontraktor-kontraktor asing dan kalau saya tidak silap dalam tahun ini, tahun 1982 dan tahun 1983 belanja ini ada meningkat oleh kerana dasar memandang ke Timur. Itu pun memudahkan kepentingan orang-orang tempatan.

Antara lain-lain sebab kenapa deficit invisible begitu besar ialah oleh kerana pembayaran yang besar untuk freight dan insurance di mana keuntungan-keuntungan mengalir keluar negeri dan belanja untuk pelajaran di luar negeri dalam dekad 70an.

Tadi saya sudah sebut dan menyeru Kerajaan bahawa patutlah ada satu dasar yang liberal mengenai dasar pelajaran tinggi supaya semua pelajar-pelajar Malaysia boleh dapat peluang melanjutkan pelajaran tinggi di tanahair kita, tidak perlu keluar negeri, bukan sahaja dapat kursus-kursus yang sesuai untuk keperluan tanahair kita tetapi untuk menjimat foreign currency dan satu tahun hampir \$1,000 juta dibelanja ke atas pelajar-pelajar kita di luar negeri. Saya sangat suka hati bahawa selepas 10 tahun nampaknya pihak Kerajaan ada dengar sedikit dan beliau ada kata bahawa Kerajaan ada dengar sedikit dan beliau ada kata bahawa Kerajaan sekarang dalam proses menubuhkan universiti keenam, tetapi saya rasa pada peringkat ini too little and too late. Kerajaan perlu tubuhkan bukan 6 tetapi 10 universiti-universiti untuk menampung keperluan-keperluan rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya rasa Dewan yang mulia ini tidak patutlah semacam, dengan izin, an ostrich putting its head in the sand dan pura-pura bahawa kita tidak dalam satu peringkat krisis Perlembagaan yang sangat serius di dalam sejarah negara kita. Akibat daripada percubaan pihak Kerajaan yang mahu meneruskan dengan usaha meminda Perlembagaan yang ada diluluskan oleh kedua-dua Dewan dalam bulan Julai dan Ogos, saya tidak mahu memberi pandangan-pandangan saya mengenai pindaan itu oleh kerana saya sudah beri pandangan saya.

Selain daripada ambil perhatian Dewan yang mulia ini mengenai consequent Perlembagaan yang sangat teruk kalau crisis and stalemate Perlembagaan tidak diatasi, pihak Raja-raja tidak mempersetujui dengan pindaan kepada Perlembagaan oleh kerana atas sebab bahawa merosakkan prerogative dan kedudukan mereka dan sebab itu bukan sahaja Rang

Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) tetapi lain-lain tujuh Rang Undang-undang yang ada diluluskan dalam bulan Julai dan Ogos pun tidak diperkenankan. Inilah satu masalah yang serius oleh kerana kalau deadlock Perlembagaan ini tidak diatasi pada 1hb Januari, 1984 Kerajaan, dengan izin, can be ground to a halt tanpa satu sen untuk dikeluarkan oleh kerana Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang ada di hadapan kita kalau tidak dapat diperkenankan, kalau tidak dapat Royal Assent, saya rasa inilah, kita tidak boleh pura-pura, itulah tidak ada masalah. Saya hendak mencadangkan dengan seriusnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tarik balik Rang Undang-undang Perlembagaan 1983 kecuali pindaan kepada Artikel 66 (5) dan Artikel 150 dibentang lagi, lain-lain pindaan-pindaan kepada Dewan yang mulia ini supaya satu constitutional deadlock boleh diatasi.

Saya ada berpendapat dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam sistem constitutional kita pihak Raja-raja tidak mahu memperkenankan masalah ini boleh dijelaskan melalui proses constitutional yang kita ada, melalui consultation dengan Majlis Raja-raja. Kalau constitutional crisis ini dipanjangkan, saya rasa bukan sahaja satu keadaan yang tidak sihat akan timbul di mana datang 1hb Januari, 1984 Kerajaan tidak boleh bergerak tetapi pun kedudukan perkembangan politik yang sangat tidak sihat pun boleh timbul oleh kerana kita sudah boleh lihat oleh kerana constitutional crisis ini pihak Kerajaan sudah menggunakan kuasa-kuasa mereka untuk menahankan, untuk meniadakan hak-hak rakyat mengenai kebebasan bersuara, kebebasan bercakap dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kebijaksanaannya boleh mencapai satu penyelesaian dengan cepat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.10 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang Dipertua, saya turut bangun untuk membahaskan Belanjawan 1984 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Jumaat lalu.

Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya, Belanjawan 1984 pada keseluruhannya merupakan satu Belanjawan yang menasabah dan tidak membebankan. Ini adalah oleh kerana kebanyakan barang-barang consumer yang dikenakan cukai yang tinggi merupakan barang-barang yang luxurious dengan izin, ataupun barang-barang yang selalu digunakan oleh golongan yang berpendapatan tinggi seperti, dengan izin, shark's fin, oysters, dried mushroom, salmon, abalone, spa waters, aerated waters dan spaghetti. Hampir kesemuanya barang-barang ini dijual dalam restoran-restoran yang besar dan golongan yang menggunakan barang-barang tersebut adalah golongan yang berada.

Tuan Yang Dipertua, selepas mengkaji dan melihat barang-barang yang dicadangkan untuk dinaikkan duti import sebagaimana yang terkandung dalam lampiran dan kepilang 4 pada ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya berpendapat bahawa kenaikan duti import itu adalah wajar dan menasabah.

Golongan yang terlibat adalah golongan yang berada. Dalam keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak berketentuan, golongan yang berada perlulah menerima cadangan ini dengan murah hati supaya dapat berdamping dan mengiringi Kerajaan dalam usahanya memperbaiki dan mengukuhkan lagi imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang Dipertua, walau pun saya mengalu-alukan kenaikan duti import ke atas kereta yang bernilai lebih daripada \$40,000, saya bersimpati dengan pembeli-pembeli kereta yang berharga kurang daripada \$25,000. Kebanyakan rakyat tidak mampu membeli kereta yang lebih daripada \$25,000, oleh kerana golongan ini meliputi kerani-kerani di bidang swasta dan bidang awam, petani-petani, para nelayan dan peniaga kecil. Kenaikan kadar daripada 15% sekarang kepada 25% bagi kereta-kereta yang belum siap dipasang boleh menyulitkan golongan yang berpendapatan rendah. Saya harap supaya pertimbangan dapat diberi kepada masalah ini demi meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah yang ingin membeli kereta jenis, dengan izin, C. K. D. yang bernilai kurang daripada \$25,000.

Tuan Yang Dipertua, dengan penurunan duti perakam-perakam video dan tape video, adalah diramalkan bahawa penggunaan video akan meningkat dengan luasnya dalam masa yang akan datang. Walaupun alat video itu penting bagi orang ramai dan Institusi-institusi pelajaran, saya menyeru kepada Kerajaan supaya membuat kawalan yang rapi dalam penerimaan dan pengeluaran tape video kepada orang ramai supaya mengelakkan dari adanya perkara-perkara yang tidak diinginkan dalam masyarakat dan negara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh mengenai syarikat Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan Sarawak Shell Berhad. Minyak mentah atau pun minyak asli merupakan satu sumber pendapatan negara kita yang penting. Sarawak, Sabah dan Terengganu mengeluarkan minyak asli untuk dieksport supaya harga minyak tersebut dapat digunakan bagi membangun ekonomi negara. Sarawak

mengeluarkan kira-kira lebih daripada 100,000 tong sehari, Sabah kira-kira lebih daripada 80,000 tong sehari, Sarawak, Sabah dan Terengganu mengeluarkan kira-kira lebih 300,000 tong sehari; Sarawak mempunyai 9 telaga minyak dan 2 telaga gas. 2 dari antara 9 telaga minyak tersebut yakni West Lutong dan Bakau Oilfields telah pun diambilalih oleh PETRONAS mengikut syarat yang termaktub dalam perjanjian kontrak dan pembahagian untung, dengan izin, Profit Sharing Contract Agreement or PSC Agreement. Kedua-dua telaga tersebut adalah dikerjakan oleh Sarawak Shell Berhad di bawah perjanjian sementara selama 6 bulan (interim agreement of six months) dengan PETRONAS mengikut dasar cost reimbursement basis.

Tuan Yang Dipertua, besar kemungkinan bahawa syarikat kecil ataupun syarikat subsidiary PETRONAS yakni syarikat Carigali Berhad akan mengambil alih pengurusan dan akan mengerjakan kedua-dua telaga ini mulai pada bulan ini. Langkah ini harus disokong untuk menentukan supaya keuntungan dari industri minyak tidak terbazir ke negeri asing. Telaga minyak yang lain, 7 kesemuanya juga mempunyai perjanjian yang sama di antara PETRONAS dan Sarawak Shell Berhad. Memandangkan perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi ada beberapa perkara yang harus ditentukan.

Pertama, jika Syarikat Carigali mengambil alih pengurusan dan operasi telaga minyak yang dua tadi, yakni West Lutong dan Bakau, adakah ia meneruskan sumbangan-sumbangan kepada negeri Sarawak sepertimana yang sedang dibuat oleh Sarawak Shell? Memandangkan Syarikat Carigali Berhad adalah syarikat subsidiary PETRONAS ada kemungkinan PETRONAS tidak akan membuat sumbangan-sumbangan tertentu?

Tuan Yang Dipertua, saya minta supaya Syarikat Carigali Berhad ataupun mana-mana syarikat yang akan menguruskan dan mengerjakan telaga minyak selepas Sarawak Shell Berhad harus meneruskan sumbangan-sumbangan tertentu. Ini adalah adil kepada negeri Sarawak dan akan memberi keuntungan kepada Sarawak sebagai negeri yang mengandungi minyak tersebut.

Kedua, di bawah perjanjian PSC yang dibuat antara PETRONAS dengan Sarawak Shell Berhad lama kelamaan kesemua 7 telaga minyak itu akan diambil alih oleh PETRONAS dan besar kemungkinan Syarikat Carigali sebagai tangan kerja ataupun operating arm, dengan izin, PETRONAS akan mengerjakan telaga-telaga tersebut. Jika ini berlaku, operasi Sarawak Shell akan berkurangan (shrink in size) produksi dan pendapatan akan berkurang ataupun berturun kira-kira 50% dan Sarawak Shell akan menanggung kerugian yang besar. Jika ini berlaku, Sarawak Shell akan disorong menghentikan (retrench) beberapa pekerjaanya ataupun mengambil langkah-langkah lain demi mengawal kos dan keuntungan. Jika ini berlaku, Sarawak yang akan menjadi rugi, oleh kerana kebanyakan pekerja Sarawak Shell adalah rakyat Sarawak. Ini akan menjadi satu punca masalah sosial dan politik bagi negeri Sarawak.

Jika Sarawak Shell menghentikan pekerja-pekerjanya, adakah Carigali atau pun syarikat lain yang akan mengambil alih pengurusan sedia menampung untuk memberi pekerjaan kepada mereka dalam industri minyaknya di Sarawak? Jika mereka diberi pekerjaan, adakah syarat-syarat kontrak mereka seakan-akan sama dengan apa yang mereka terima dengan Sarawak Shell seperti gaji, elaun, peluang untuk dinaikkan pangkat, pension dan gratuity dan sebagainya? Jika tidak, beberapa pekerja mahir yang keturunan

Malaysia seperti Jurutera minyak, geologist dan lain-lain akan meninggalkan negara dan mencari pekerjaan dalam industri minyak di luar negeri. Jika pembaziran pakar (brain-drain) ini berlaku, negara kita akan mengalami kerugian yang besar terutama dalam industri minyak kita.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, dalam proses Kerajaan mengambilalih pengurusan industri minyak sepenuhnya di negara ini faktor politik (political consideration) tidak seharusnya dijadikan alasan utama bagi pengambilan tersebut. Faktor teknikal (technical consideration) juga harus diberikan keutamaan.

Jika faktor kedua itu tidak diambilkira dalam proses pengambilan telaga minyak tersebut ia akan merugikan negeri dan negara kita. Industri minyak nasional kita (our national oil industry) perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya supaya dapat mengeluarkan hasil dan keuntungan yang optima kepada rakyat negeri dan negara. Kesilapan dalam mentadbirkannya akan merugikan semua pihak yang terlibat dalam industri minyak kita.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh mengenai associated gas dari telaga minyak yang terdapat di Lutong, Miri, Sarawak. Jika cecair tersebut dapat diproses ia akan dapat mengeluarkan hasil yang besar pada rakyat Miri khasnya dan di Sarawak amnya. Kerajaan perlu terima minyak cecair ini (collected) memproseskannya (treat it) dan mempaipkannya (pipe it) kepada darat Miri ataupun menjualkannya ke pasaran-pasaran tertentu di pasaran dunia.

Dengan adanya gas tersebut ia akan digunakan dalam industri-industri kecil di Miri dan lain-lain tempat yang berdekatan seperti dalam cottage industry ataupun industry-industry kecil. Untuk menentukan kaum bumiputera turut serta dalam

pelaksanaan industri-industri ini Kerajaan perlu memberi bimbingan dan galakan kepada mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh serba sedikit mengenai masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di luar bandar khususnya sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak. Pertamanya, pembinaan bangunan sekolah dan rumah guru di luar bandar, pembinaan bangunan tersebut selalu terbengkalai oleh kerana kos pembinaannya yang tinggi seperti kos pengangkutan bagi alat-alat dan bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan tersebut dan juga adalah menjadi syarat kepada tender itu bahawa bahan-bahan yang ditetapkan dalam tender itu tidak seharusnya digantikan dengan bahan-bahan tempatan.

Dengan terbengkalainya pembinaan sekolah tersebut, ini akan mengengkari peluang pelajar-pelajar dari menggunakan bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan yang baru. Tentu ini akan menjatuhkan maruah dan prestasi mereka dalam pelajaran. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya dalam mengeluarkan tender bagi membina bangunan sekolah dan rumah guru di luar bandar 'priority' harus diberikan kepada pemborong tempatan oleh kerana mereka yang lebih tahu mengenai bahan-bahan yang harus digunakan dalam pembinaan tersebut.

Kerajaan seharusnya melonggarkan syarat berkaitan dengan bahan-bahan bangunan yang digunakan dalam pembinaan tersebut. Ada bahan-bahan yang ditentukan oleh Kerajaan tidak dapat digunakan oleh kerana kos pengangkutannya dari bandar ke luar bandar adalah amat tinggi. Dalam perkara ini Kerajaan harus membenarkan para pemborong untuk menggunakan bahan-bahan tempatan seperti kayu dan papan.

Mengenai dengan penghantaran bahan makanan untuk sekolah di luar bandar adalah menjadi sungutan dari komiti sekolah dan orang kampung bahawa penghantaran bahan makanan bagi murid-murid adalah terlalu lambat. Itu disebabkan oleh kerana pemborong tersebut ataupun pembekal tersebut bukan orang tempatan. Selepas pembekal tersebut berjaya dalam tendernya, ia mengAli-Babakan ataupun sub-contract tendernya kepada pihak pertengahan ataupun pihak ketiga. Oleh kerana pihak pembekal tersebut kurang memahami keadaan tempatan di mana sekolah itu diletakkan ia tidak dapat mengetahui keadaan dan kekurangan murid dan sekolah tersebut sebenarnya. Akibatnya pembekalan bahan makanan segar (fresh ration) seperti telur, sayur, daging tidak ditetapkan (no constant supply). Apa yang terjadi ialah pembekalan bahan makanan dibuatkannya sekali sebulan. Memang terang bahawa keadaan ini tidak cukup dan kurang memuaskan.

Saya menyeru kepada Kerajaan supaya kontrek pembekalan bahan makanan pada sekolah-sekolah di luar bandar perlu diberikan kepada pembekal tempatan supaya 'supervision' dan tindakan ikutan (follow-up) oleh Jabatan Pelajaran dapat dibuat dari semasa ke semasa. Dengan syarat demikian masalah orang pertengahan (middle man) dapat dielakkan. Ini akan menggalakkan orang tempatan menanam sayur-sayuran dan menternak haiwan untuk murid-murid di sekolah itu. Pembekalan tersebut dapat dilaksanakan melalui syarikat yang ada di kampung-kampung di sekolah tersebut.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi masalah ialah mengenai dengan kualiti guru dan ahli staff lain ataupun supporting staff, misalnya dalam sebuah sekolah yang mempunyai 4 guru, seorang sahaja yang merupakan guru terlatih (trained teacher).

Selain daripada kekurangan guru terlatih, sekolah-sekolah di luar bandar juga mengalami kekurangan supporting staff terutama mengenai dengan sekolah-sekolah di luar bandar yang berasrama. Di Sarawak misalnya ada 1,763 daripada jumlah 8,800 guru sekolah rendah Kerajaan adalah guru yang tidak terlatih (untrained teachers) yang merupakan 20.3%.

Di Bahagian Keempat 407 orang daripada jumlah 1,421 orang adalah guru yang tidak terlatih—28.6%.

Di Bahagian Kelima pula keadaan ialah 47 orang daripada jumlah 387 yang tidak terlatih ataupun 12%.

Tuan Yang Dipertua, ini bermakna bahawa sekolah-sekolah di luar bandar akan rugi kerana mempunyai guru-guru yang tidak dilatih dengan cara yang baik yang dapat memberikan pelajaran yang berkesan ataupun sumbangan yang berkesan bagi murid-murid yang bersekolah di luar bandar.

Kos perkhidmatannya (cost of servicing) di luar bandar adalah tinggi. Di Sarawak misalnya ada beberapa tempat di mana guru-guru terpaksa berjalan kaki beberapa hari sebelum sampai ke sekolah. Ada separuhnya terpaksa menggunakan kapal terbang dan perahu. Ini tentu melibatkan perbelanjaan yang tinggi oleh kerana kos pengangkutan yang tinggi para guru tidak dapat mengikuti kursus ataupun mengikuti ujian-ujian yang dijalankan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Kekurangan peluang tersebut tidak akan menolong mereka dalam memperbaiki kedudukan akademik mereka.

Selain daripada masalah itu, saiz sekolah di luar bandar adalah kecil. Misalnya ada sekolah yang mempunyai tiga atau empat kelas sahaja. Kekurangan kelas dan murid dan ditambah pula dengan kekurangan kemudahan seperti buku-buku, alat-alat visual, kekurangan pengawasan dari pegawai pelajaran tempatan oleh

kerana jarang mengunjungi mereka adalah serba punca yang menyebabkan kekurangan peransang atau insentif dari guru-guru untuk berkhidmat dengan cemerlangnya.

Apabila keadaan ini berlaku mutu pendidikan yang ada di luar bandar amatlah kurang dan golongan yang terlibat adalah golongan yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, bagi mengatasi masalah ini dan bagi meninggikan mutu pendidikan di luar bandar Kerajaan serharusnya membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai punca-punca yang menyebabkan prestasi murid di luar bandar jatuh jika dibandingkan dengan murid di bandar supaya satu program menyeluruh dapat dilaksanakan demi mengatasi masalah tersebut. Kerajaan harus meninggikan kuota bagi mengambil pekerja seperti Amah dan Tukang Masak. Penambahan Amah umpamanya akan menjamin kebajikan murid-murid itu akan terpelihara seperti makanan mereka di asrama.

Peransang dari segi wang harus perlu diberikan kepada guru-guru di luar bandar. Elaun sara hidup yang mencukupi ataupun sufficient hard living allowances patut diberi untuk mengganti kerugian kos pengangkutan yang tinggi.

Bagi guru yang ingin melanjutkan pelajarannya ataupun mengikuti kursus ataupun diploma atau ijazah ia harus diberi galakan dalam bentuk, dengan izin, study leave with pay ataupun dalam ikhtiar lain pusat ujian (axamination centres) patut diadakan diluar bandar bagi menolong guru-guru yang ingin menyertai ujian awam ataupun public examination.

Pejabat Pelajaran Bahagian dan Daerah memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah ini. Penambahan pegawai inspektor di pejabat ini akan menjamin yakni kunjungan ke sekolah-sekolah ini

dapat diperhebatkan lagi demi mencapai pengawasan yang rapat dan berkesan. Jika dianggap praktikal dan sesuai sekolah-sekolah yang mempunyai dua ataupun tiga darjah harus ataupun perlu disatukan dengan sekolah lain, dengan izin, multinational schools supaya kemudahan yang lengkap dapat diberikan ke tempat tertentu. Dari segi saikoloji Tuan Yang Dipertua, ini akan memberi peransang kepada guru dan murid untuk berkhidmat dan belajar dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh tentang koperasi serbaguna di luar bandar terutama di Negeri Sarawak. Di Negeri Sarawak terdapat kira-kira 300 koperasi. Aktiviti-aktiviti koperasi tersebut meliputi aspek banking, perdagangan, consumer, kilang padi, pinjaman dan akaun kira-kira dan koperasi sekolah. Lebih dari setengah jumlah koperasi ini terdapat di luar bandar. Kira-kira 100 dari jumlah koperasi ini merupakan koperasi yang dormant. Kebanyakan aktiviti mereka ialah consumer dan kilang padi. Peranan koperasi dalam masyarakat yang jauh dari luar bandar tidak dapat diperkecilkan. Ia merupakan sumber pembekalan barang-barang asas dan perkhidmatan penting kepada penduduk-penduduk di rumah panjang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, terdapat bahawa prestasi kebanyakan koperasi di luar bandar kurang memuaskan. Ada beberapa sebab. Pertama, masalah pengangkutan. Kedua, kurangan modal, keadaan buta-huruf, gaji kakitangan koperasi kurang dan penghijrahan penduduk-penduduk di luar bandar ke bandar dan kem kayubalak yang terletak merata-rata di seluruh Negeri Sarawak.

Faktor-faktor tersebut di antara lain, telah menyatukan koperasi di luar bandar tidak dapat maju dengan

sepesat-pesatnya. Memandangkan pentingnya peranan koperasi di masyarakat kaum bumiputera di luar bandar Kerajaan perlu membuat kajian yang menyeluruh bagi mencari jalan bagaimana sistem yang ada pada sekarang ini dapat diperbaiki bagi meninggikan lagi prestasi koperasi tersebut. Melalui koperasi orang-orang kampung dapat memahami serba sedikit mengenai cara perdagangan, pengurusan dan pemasaran. Pengalaman ini walaupun sederhana, akan menyediakan mereka dalam usaha mereka mengambil bahagian dalam proses pembangunan ekonomi negara melalui Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang Dipertua, bagi tempat yang jauh seperti Long Lalang, Long Seri dan Bario, Long Sukang, Long Semado dan Batu Lalang di mana cara pengangkutan ialah hanya menggunakan kapal terbang sahaja, adalah dicadangkan iaitu Kementerian Pertahanan membuat peruntukan bagi kapal terbangnya mengangkut barang dari Bandar Lawas dan ke Miri ke tempat tersebut. Ataupun Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) membuat satu penerbangan khas ke tempat ini hanya bagi kargo sahaja tiap-tiap minggu. Ini akan menjamin pembekalan barang-barang kepada koperasi tersebut akan kekal dan tetap.

Kedua, adalah dicadangkan iaitu Kerajaan seharusnya memberi jaminan kepada koperasi tersebut sebanyak \$10 ribu tanpa cagaran bagi menolong koperasi dalam penambahan modalnya. Selain daripada itu pegawai-pegawai dan staff di koperasi tersebut perlu diberi latihan dan kursus dari masa ke semasa mengenai cara pengurusan akaun dan sebagainya. Latihan ini perlu bagi menentukan kejayaan syarikat-syarikat tersebut dikekalkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh mengenai keperluan tenaga di luar bandar Sarawak seperti

pembekalan elektrik dan biogas. Elektrik dan gas merupakan dua perkara penting di dalam keluarga dan masyarakat yang moden. Walaupun Kerajaan telah bercadang untuk membina beberapa mini-hydro project di Sarawak selain daripada projek besar Batang Air yang dekat siap setakat ini terdapat bahawa ia tidak akan memberi faedah yang menyeluruh kepada semua rakyat terutama rakyat di luar bandar. Ini ialah kerana projek mini-hydro hanya dapat memberi faedah kepada satu tempat atau kawasan yang tertentu sahaja.

Memandangkan Sarawak mempunyai kira-kira 5,000 kampung atau pun rumah panjang yang terdapat merata-rata di seluruh negeri tanggungjawab Kerajaan bagi menentukan rakyat di tempat ini dapat menikmati kemudahan asas adalah berat. Ia memerlukan satu program yang menyeluruh bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, adalah dicadangkan iaitu Kerajaan membina dan memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat di luar bandar supaya tenaga dari matahari dapat diproses, distor dan disalurkan bagi kegunaan domestik dan industri-industri kecil di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, negara kita adalah kaya dengan cahaya matahari, sungai dan angin. Oleh kerana itu kekayaan ini perlu diproses untuk membekalkan tenaga yang murah bagi rakyat. Kalau saya tidak salah, di Pulau Cyprus penggunaan tenaga matahari ataupun solar energy adalah widespread sekali. Dekat kesemua rumah-rumah di Cyprus mempunyai Solar Cell ataupun Solar Panel yang di mana menggunakan solar ataupun tenaga sendiri. Di Jepun misalnya, negara itu telah berjaya membuat kenderaan generator yang menggunakan cahaya matahari, dengan izin, power-generating machine run by solar energy.

Pada hemat saya langkah bagi menggunakan tenaga dari matahari dan dari tiupan angin selain daripada hydro merupakan langkah yang baik. Ini akan memberi faedah yang besar kepada rakyat terutama rakyat di luar bandar. Ratus-ratusan tahun rakyat terutama rakyat di pedalaman tidak berpeluang untuk menikmati kemudahan asas ini. Sudah tibalah masanya bagi Kerajaan untuk memberi pertolongan kepada mereka dan mengambil tindakan-tindakan yang besar-besaran untuk menentukan tenaga dari sumber-sumber ini dapat dinikmati oleh rakyat dengan kadar, dengan harga yang murah. Kos bagi membina alat-alat memproses tenaga matahari, tiupan angin tidak seharusnya dijadikan soal yang penting sekali.

Walaupun kajian mengenai sumber-sumber tenaga ini dalam infancy stage faktor-faktor lain harus diambil kira seperti faedah-faedah akibat dari penggunaannya kepada rakyat dan juga kos menjaganya, dengan izin, maintenance cost. Dalam jangka panjang kos menjaganya adalah lebih rendah dan faedahnya kepada rakyat adalah besar pada jangka panjang. Selain daripada menggunakan tenaga matahari dan tiupan angin memberi cahaya ataupun terang kepada rumah-rumah, ia juga dapat digunakan dalam industri kecil. Satu faktor yang menyebabkan prestasi murid sekolah di luar bandar kurang dari murid di bandar ialah kemudahan "lighting". Di kampung pedalaman, murid sekolah terpaksa menggunakan lampu minyak tanah (kerosene lamp) ataupun dian yang menggunakan damar (torch using resin). Banyak tempat, Tuan Yang Dipertua, menggunakan damar sebagai cahaya untuk belajar. Ada separuh belajar dan membaca dekat cahaya api (Near the fire place). Tuan Yang Dipertua, keadaan seperti ini kurang memuaskan. Keadaan ini tidak menggalakkan murid belajar bersungguh-sungguh tetapi menjadi satu gangguan dan halangan dalam

prestasi akedamik mereka. Oleh kerana itu, masa bagi murid untuk belajar pada waktu malam adalah terhad jika dibanding dengan murid di bandar. Tentu ini akan menjejaskan kedudukan murid di luar bandar dari segi potensi prestasi akademik mereka di sekolah-sekolah.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya satu sistem pembekalan cahaya yang baik (proper lighting system) di luar bandar seperti pembekalan tenaga dari cahaya matahari, angin dan hydro, ini tentu akan memberi suasana yang menarik bagi murid-murid untuk belajar bersungguh-sungguh. Ia akan membaiki prestasi akademik mereka.

Selain daripada memberi faedah kepada murid sekolah, tenaga tersebut juga akan memberi sumbangan yang besar kepada orang dewasa. Dengan wujudnya pembekalan tenaga yang sentiasa ada, ini akan memanjangkan masa bagi orang kampung untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha yang memberi keuntungan seperti membuat kraftangan, membuat anyaman, dan sebagainya. Setakat ini kebanyakan orang kampung tidur awal oleh kerana suasana bagi mereka menceburkan diri dalam masa "past-time" seperti "cottage industry" tidak ada.

Tuan Yang Dipertua, bagi tempat yang jauh dari bandar di mana cara pengangkutan ialah hanya menggunakan kapal terbang sahaja, pembekalan tenaga tersebut merupakan satu peristiwa yang disanjung tinggi oleh rakyat. Tenaga tersebut dapat digunakan dalam peti sejuk di mana orang kampung dapat menyimpan barang makanan mereka ataupun barang jualan mereka.

Satu masalah yang dihadapi oleh penduduk yang hanya cara pengangkutan ialah kapal terbang, adalah masalah pemasaran. Bagi penduduk ini, harapan mereka untuk mencari sedikit wang ialah melalui barang-barang yang mereka kirim

mengikut kapal terbang Sistem Penerbangan MAS dari kampung ke bandar untuk dijual di pasar.

Adakala mereka menyembelih binatang mereka seperti kerbau dan lembu supaya diangkat oleh kapal terbang ke bandar. Malangnya, sesudah menyembelih binatang tersebut, kapal terbang tidak dapat membuat penerbangan ke tempat itu disebabkan faktor-faktor tertentu seperti keadaan cuaca yang buruk ataupun injin kapal terbang yang rosak. Jika ini berlaku, mereka terpaksa menjual daging ataupun barang-barang tersebut kepada orang-orang kampung dengan harga yang murah sekali. Ini akan merugikan bakinya dengan secepat mungkin oleh kerana tidak ada kemudahan seperti peti sejuk yang mana dapat digunakan untuk menyimpan daging tersebut.

Dengan adanya mini-hydro, tenaga solar, dan tenaga dari angin di luar bandar ini akan membolehkan penduduk-penduduk membeli kemudahan-kemudahan seperti peti sejuk untuk menyimpan barang makanan mereka dan juga barang-barang "perishable" yang hendak dikirim mengikut kapal terbang dan dapat dijual di bandar. Dengan adanya peti sejuk barang-barang yang mudah busuk seperti daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dapat disimpan sambil menunggu kapal terbang membawa barang-barang tersebut ke bandar. Dengan ini, penduduk dapat memasar dan menjual barang-barang mereka ke bandar. Pendapatan dari penjualan tersebut tentu akan dapat memperbaiki taraf kehidupan mereka. Ini sejajar dengan tujuan dan hasrat Dasar Ekonomi Baru yang mana ingin membasmikan kemiskinan dari antara golongan yang miskin seperti rakyat di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh Bahagian II Jadual 10 dalam Perlembagaan Malaysia. Bahagian dan Jadual tersebut

membuat peruntukan mengenai "State Road Grant" bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. State Road Grant ini adalah untuk negeri tersebut menjaga dan membaiki keadaan jalan raya di negeri masing-masing.

Tuan Yang Dipertua, negeri Sarawak mempunyai 7 Bahagian. Hampir semua bahagian ini mempunyai sungai yang mengalir sepanjang-panjang kawasannya. Di Bahagian Satu terdapat Sungai Tebakang; Bahagian Kedua Sungai Lupar dan Saribas; Bahagian Ketiga, Enam dan Tujuh, Sungai Rajang, Oya dan Igan; Bahagian Keempat Sungai Baram, Tatau dan Kemena; Bahagian Kelima Sungai Limbang dan Trusan. Kebanyakan rakyat di luar bandar menggunakan sungai sebagai satu cara pengangkutan dari satu tempat ke satu tempat terutama dari kampung ataupun rumah panjang ke bandar. Mereka menggunakan Express dan speedboat dan perahu panjang. Penggunaan sungai adalah hebat sekali di negeri itu.

Untuk menolong rakyat dalam menjaga, membersihkan dan membaiki keadaan dan tebing sungai-sungai tersebut, saya menyeru Kerajaan untuk memberi "State River Grant" kepada negeri Sarawak, memandangkan kebanyakan penduduk-penduduk di luar bandar di Sarawak tidak selalunya menggunakan jalan raya yang terdapat di bandar sahaja. Adalah wajar dan menasabah bagi Kerajaan membuat peruntukan tersebut. Pelaburan modal permulaan (initial capital investment) tidak terlibat dalam perkara ini oleh kerana Kerajaan tidak perlu membina sungai. Sungai di Sarawak sentiasa ada. Apa Yang perlu ialah Kerajaan mengambil berat terhadap "maintenance" sungai-sungai tersebut sahaja. Grant tersebut akan meringankan tanggungjawab Kerajaan dalam menjaga keadaan sungai tersebut.

Tuan Yang Dipertua, prestasi ekonomi kita setakat ini walaupun senantiasanya terancam dari perkembangan di dalam ekonomi negara-negara perindustrian adalah sangat menggalakkan. Satu tujuan Belanjawan Kerajaan bagi tahun 1983 ialah untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan di samping mengekalkan kestabilan harga. Justeru itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif bagi melindungi ekonomi Malaysia daripada kesan buruk kemelesetan ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi kenyataan bahawa kedudukan ekonomi kita dipandang tinggi oleh masyarakat kewangan, peniaga dan pelabur antarabangsa. Walaupun dipandang tinggi, ini tidak bermakna bahawa kita seharusnya menggunakan peluang ini untuk meminjam dari dalam atau dari luar negeri. Kita telah biasa dengan pemikiran bahawa segala projek atau pembangunan baru sepatutnya dibiayai dengan pinjaman. Pinjaman tersebut tentu akan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi kita. Ia akan memberi kemudahan kewangan kepada pihak swasta supaya dapat memainkan peranan yang lebih dinamik untuk membantu Kerajaan dalam usaha-usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun kita perlu berwaspada dan perlu cermat apabila meminjam dari dalam ataupun luar negeri. Kita perlu mengamalkan disiplin dalam pengurusan kewangan supaya jangan meminjam melampau lebih dari keupayaan yang ada pada kita. Kita perlu menggalakkan pelaburan atau pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan simpanan domestik kita (mobilise domestic savings).

Tuan Yang Dipertua, dalam tahun 1980, Gross National Savings (GNS) adalah berjumlah \$14,567 juta; tahun 1981—\$13,631 juta; 1982—\$13,384

juta. Ini bermakna bahawa GNS telah berkurang dari tahun 1980. Seजार dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan peminjaman wang dari luar negeri, Kerajaan perlu mewujudkan suasana di mana rakyat digalakkan untuk menyimpan sama ada sebagai deposit di bank-bank, EPF, SOCSO, Syarikat-syarikat Kerjasama Government Securities and Treasury Bills. Di antara lain cara-cara bagaimana GNS ini dapat ditinggikan ialah melalui faedah (interest rates) yang tinggi demi menggalakkan lebih ramai lagi rakyat menyimpan. Kedua, kemudahan-kemudahan dan mutu perkhidmatan yang diberi oleh bank-bank perlu ditambah dan diperbaiki supaya lebih ramai lagi rakyat dapat menikmati perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh bank-bank. Kerajaan perlu memberi tauladan yang baik kepada rakyat dalam pengurusan kewangan.

Tuan Yang Dipertua, tembakau merupakan satu barang yang tidak patut digalakkan penggunaannya. Saya bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan yang menaikkan import dan duti eksais atau tembakau. Apa yang terdapat setakat ini ialah tembakau itu diproses dan dikotakkan (packed) dalam plastik beg tanpa amaran. Kerajaan telah menulis amaran di atas kotak rokok bahawa merokok itu adalah merbahaya kepada tubuh dan kesihatan. Pada hemat saya menggunakan tembakau mempunyai kesan yang sama dengan merokok. Oleh kerana itu saya menyeru Kerajaan supaya menulis amaran yang ditulis atas kotak rokok itu juga ditulis atas kotak-kotak atau plastik beg yang mengandungi tembakau. Saya berkata demikian oleh kerana di beberapa rumah panjang di antara kaum terpencil di Sarawak seperti kaum Kajang, Ukits kita terdapat budak-budak dari umur 6 hingga 12 tahun merokok tembakau tanpa kesedaran ataupun tanpa sedar akibat perbuatan mereka. Jadi tindakan yang cepat perlu

diambil demi menjaga keselamatan dan kesihatan orang ramai terutama budak-budak yang menggunakan tembakau.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Limbang dan Lawas, Bahagian Kelima, Sarawak terutama para nelayan yang tinggal dekat laut. Kebanyakan penduduk-penduduk yang tinggal di pantai lautan adalah nelayan. Sumber pendapatan mereka adalah menjual ikan ke pasar-pasar tempatan dan Brunei. Demi meninggikan tangkapan dan pendapatan mereka, saya minta supaya Kerajaan melalui Kementerian Pertanian memberi peruntukan dari Belanjawan 1984 yang lebih banyak lagi kepada mereka. Ini boleh dilaksanakan dengan memberi pukat, injin, outboard dan trawler untuk deep sea fishing kepada mereka. Kerajaan juga perlu membimbing mereka dalam proses pemasaran ikan bagi mengelak pihak ketiga dari mengeksploitasikan para nelayan tersebut.

Di samping Kerajaan mengambil titikberat kebajikan para nelayan di Bahagian Kelima, Sarawak, Kerajaan juga perlu menjadikan Bahagian Kelima, Sarawak sebagai satu kawasan yang akan mengeluarkan ternakan-ternakan seperti sapi, kerbau, lembu dan sebagainya. Bahagian Kelima adalah terkenal dengan kebolehan dan pengalaman penduduk-penduduknya dalam usaha memelihara ternakan-ternakan tersebut. Kaum Lun Bawang (Murut) di Lawas, Bisaya dan Melayu di Limbang telah menceburkan diri dan terlibat dalam memelihara ternakan semenjak dari awal lagi. Pada hemat saya tibalah masanya bagi Kerajaan untuk mengurus para petani di bahagian ini. Pengurusan tersebut melibatkan aspek melatih para petani dalam pemeliharaan ternakan yang moden seperti jagaan ternakan yang

baik (proper care of animals) mengadakan rumput yang cukup, proses pemasaran dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, satu aspek penting yang berkaitan dengan dasar Kerajaan yang bertujuan untuk memodenasikan sistem pertanian ialah pasaran. Tanah tinggi di Bahagian Kelima seperti Ba' Kelalan, Long Semadoh dan Long Sukang terkenal dengan pengalamannya dalam memelihara ternakan seperti sapi dan kerbau. Oleh kerana tidak ada jalan raya ataupun jalan sungai dari bandar ke tempat tersebut, para petani tidak dapat memasarkan sapi, kerbau dan lain-lain hasil ternakan ataupun tanaman-tanaman mereka di bandar. Saya bercadang supaya Kerajaan membuat peruntukan untuk mengangkat daging-daging tersebut dari kawasan tanah tinggi ke bandar pada hari, masa dan tarikh yang akan ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Dengan membuat demikian, pendapatan para petani di kawasan tersebut akan distabilkan dan ditentukan. Setakat ini, sapi dan kerbau merupakan 70% sumber pendapatan para petani di tempat ini.

Bersabit dengan apa yang saya telah sebutkan tadi, saya minta supaya Kementerian Pertanian memilih beberapa tempat dan kawasan di Bahagian Kelima sebagai pusat eksperimentasi bagi memelihara ternakan-ternakan secara besar-besaran. Penduduk-penduduk kawasan dan pusat tersebut perlu diberi latihan intensif mengenai cara moden memelihara ternakan ataupun binatang.

Untuk menolong para petani dalam pemasaran hasil-hasil ternakan-ternakan mereka, saya bercadang dan minta supaya agensi-agensi Kerajaan seperti FAMA, SARA-BIF, SEDCO di Sarawak dan lain-lain agensi pemasaran negeri dan Persekutuan menubuhkan pejabat mereka di Limbang dan Lawas. Agensi tersebut

akan membeli hasil-hasil ternakan dari para petani dengan harga menasabah. Dengan cara demikian, para petani tidak payah memasarkan hasil ternakan mereka sendiri memandangkan kebanyakan mereka tidak mempunyai kebolehan berbuat demikian. Cara ini juga akan melindungi para petani tersebut dari dieksploitasi oleh pihak tengah.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong Belanjawan 1984.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

6.00 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut): Tuan Yang Dipertua, saya turut bersama-sama dengan Ahli-ahli yang lain membahas dan menyokong Belanjawan tahun 1984. Pada pendapat saya Belanjawan tahun 1984 yang bertujuan membaiki imbalan pembayaran negara dan mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan adalah satu Belanjawan yang cukup memuaskan dan tidak membebankan rakyat miskin.

Saya amat gembira ketika mendapat tahu pertahanan dan keselamatan dalam negeri diberi peruntukan \$1,199 juta atau 13.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Keselamatan negara adalah satu perkara di mana kita tidak mampu untuk membuat satu kesilapan. Ini adalah kerana satu kesilapan itu mungkin mengakibatkan satu malapetaka menimpa negara kita Malaysia. Oleh sebab itu saya tidak bersetuju dengan pendapat setengah-setengah orang yang mengatakan peruntukan yang begitu besar untuk keselamatan negara merugikan rakyat. Mereka ini mengatakan wang pertahanan negara lebih baik digunakan untuk pembangunan. Tetapi apa gunanya kalau Malaysia tidak mampu menjaga wilayahnya

lebih-lebih lagi dalam keadaan keselamatan di rantau ini sekarang. Oleh itu pertahanan dan keselamatan dalam negeri wajib diambil berat.

Pelajaran dan pendidikan adalah amat penting sekali dalam soal mewujudkan integrasi nasional dan melahirkan tenaga manusia yang mahir. Disamping itu kunci kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah pelajaran. Oleh hal yang demikian peruntukan pembanguan \$812 juta untuk pelajaran tentu sekali disambut oleh rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menimbulkan beberapa masalah yang berkaitan dengan pelajaran di negeri Sabah. Kelemahan yang ketara sekali ialah taraf pencapaian yang terlalu rendah di sekolah-sekolah di Sabah. Kelemahan ini dapat diukur dari keputusan-keputusan peperiksaan penting seperti SRP, SPM, STPM di mana Sabah kerap kali menduduki tempat yang ketigabelas. Di Sabah tidak keterlaluan jika dikatakan ramai murid-murid Darjah IV dan Darjah V belum tahu mengeja nama sendiri, malah lebih dari itu ramai murid-murid luar bandar walaupun sudah masuk Tingkatan I masih belum tahu menulis, membaca dan mengira. Ini amat mendukacitakan.

Saya ingin membawa ke pengetahuan Dewan yang mulia ini tentang beberapa masalah yang difikirkan telah mengakibatkan taraf pencapaian pelajaran yang rendah di Sabah. Memang tidak dapat dinafikan bilangan sekolah-sekolah yang dibina telah berlipat-ganda semenjak tahun 1963. Misalnya pada tahun-tahun di antara 1946 dan 1963 hanya ada 8 buah SMK sahaja di Sabah akan tetapi pada tahun 1983 angka ini telah meningkat kepada 55 tetapi kawasan luar bandar masih lagi memerlukan banyak sekolah-sekolah untuk menampung permintaan di luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, banyak sekolah-sekolah di luar bandar wujud dalam keadaan yang serba kekurangan. Kekurangan pertama ialah guru-guru yang berkelayakan, berpengalaman berkhidmat di luar bandar. Ada kalanya terdapat lebih ramai murid-murid daripada kerusi dan meja-meja terdapat di dalam satu-satu sekolah. Kadangkala bangunan itu tidak lagi selamat untuk digunakan kerana sudah terlalu usang. Terdapat juga sekolah-sekolah di mana dinding-dinding dibuat daripada kayu, kulit kayu atau bambu. Banyak sekolah-sekolah yang saya lawati tidak boleh digunakan semasa hujan kerana atapnya sudah bocor. Dalam keadaan seumpama ini bagaimana seorang murid boleh belajar dengan baik dan tekun. Ramai berpendapat masalah guru-guru adalah punca utama yang menyebabkan suatu unprestasi pelajaran di Sabah.

Terdapat ada dua masalah berkaitan dengan guru-guru di Sabah. Pertama, kekurangan guru-guru berkelayakan, berpengetahuan dan dedikasi. Yang kedua, semangat berkhidmat ataupun moral guru-guru yang kian menurun di Sabah. Kekurangan guru-guru amat ketara sekali di sekolah-sekolah luar bandar. Di luar bandar terdapat masalah seperti perhubungan tidak baik dengan bandar, ketiadaan rumah-rumah guru-guru dan lain-lain faktor yang negatif yang tidak dapat menarik minat guru-guru berkhidmat di luar bandar.

Semangat guru-guru untuk berkhidmat dengan cemerlang juga terjejas. Saya rasa ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara dan kejadian-kejadian yang telah menimpa guru-guru di Sabah. Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Bilangan 12 Tahun 1979 menjelaskan perkhidmatan lebih 1,000 guru-guru bekas Unified Teaching Scheme (uts). Kumpulan guru-guru ini telah berkhidmat sejak awal tahun enam

puluhan lagi. Mereka tidak dianggap sebagai guru Kerajaan, perkhidmatan mereka hanya dikira bermula daripada 1-1-1980 di mana di masa-masa yang lalu hampir 20 tahun khidmat mereka tidak dikira. Perkhidmatan guru-guru besar dan pengetua-pengetua sekolah bekas UTS juga tidak diambil kira. Anihnya hal ini tidak berlaku di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Guru-guru bekas UTS di lain-lain negeri di Malaysia termasuk Sabah telah diserapkan sebagai guru Kerajaan tetap dan berpencen semenjak tahun 1974 dengan tidak dikenakan syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan dan Kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

Berdasarkan kepada polisi baru guru-guru bekas UTS yang telah lama berkhidmat, yang belum berlatih apabila mereka menamatkan latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran, khidmat mereka yang lama langsung tidak diambil kira. Mereka akan dikira sebagai rekrut baru, di mana perkhidmatan yang lama akan dilupakan begitu sahaja. Ini telah membunuh motivasi dan kemampuan mereka berkhidmat dengan cemerlang. Ramai pengetua yang ditugaskan kira-kira 10 tahun yang lalu di beberapa buah sekolah menengah tidak diberi ganjaran sama ada kenaikan pangkat atau pemberian elaun-elaun tertentu. Mereka telah berkhidmat dengan cemerlang mentadbir sekolah tetapi apabila tiba masa untuk kenaikan pangkat mereka tersisih dan dikeluarkan daripada sekolah berkenaan dengan alasan mereka itu adalah dalam Kategori C2 atau Division 3 sedangkan jawatan pengetua itu adalah C1 Division 2. Bilangan yang terlibat adalah tidak ramai tetapi mereka berpengaruh sebagai bekas ketua tadbir. Tentunya sumbangan mereka terhadap pelajaran juga terjejas. Guru-guru kelulusan Maktab-maktab Perguruan tahun-tahun 1974, 1975 dan 1976 tidak diberi

perlantikan, mereka ini ditugaskan mengajar begitu sahaja. Seperti kita tahu, kalau tidak ada perlantikan, tidak ada pengesahan dalam jawatan dan kalau tidak ada pengesahan dalam jawatan tentunya soal kenaikan pangkat tidak timbul lagi. Ada di antara guru-guru ini sudah berkhidmat lebih 10 tahun tetapi malangnya mereka tidak dapat disahkan dalam jawatan. Ini tentu sekali menjejaskan prestasi pengajaran mereka yang terlibat.

Keadaan yang melibatkan guru-guru tempatan di Sabah telah ditambah sulit lagi dengan pengumuman Kerajaan untuk memberi Elaun Perkhidmatan Khas kepada guru-guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah. Walaupun guru-guru tempatan dan guru-guru Semenanjung sama-sama terdedah kepada keadaan yang sama tetapi guru-guru tempatan Sabah tidak dapat apa-apa elaun. Ini amat menyedihkan dan sedikit sebanyak tentu sekali menjejaskan moral guru-guru tempatan.

Saya percaya adalah menjadi matlamat Kerajaan kita untuk meletakkan perpaduan negara dan integrasi nasional sebagai satu daripada tujuan-tujuan dasar pelajaran Malaysia. Oleh itu apa juga bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada lain-lain negeri di Malaysia hendaklah dinikmati bersama oleh Sabah. Elaun Perkhidmatan Khas untuk guru-guru di Semenanjung berkhidmat di Sabah sekarang ini baiklah juga dipanjangkan kepada guru-guru tempatan.

Kemudahan susu yang diberikan kepada murid-murid sekolah di seluruh Malaysia eloklah dinikmati bersama oleh murid-murid di Sabah. Kalau Kementerian Pelajaran ingin membina Universiti keenam di Kedah sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Kementerian juga harus meneruskan rancangan untuk

membina kampus Universiti Kebangsaan Cawangan Sabah. Di samping itu kampus baru Universiti Kebangsaan Cawangan Sabah akan dapat memberikan lebih banyak tempat-tempat pengajian kepada pelajar-pelajar seluruh negara.

Demi untuk meninggikan taraf pencapaian pelajaran dan demi untuk mencapai matlamat pelajaran kebangsaan di Sabah maka saya senaraikan langkah-langkah yang boleh diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran:

- (1) Membina sekolah-sekolah yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang cukup moden.
- (2) Menambah bilangan pelatih-pelatih tempatan untuk masuk Maktab-maktab Perguruan.
- (3) Jabatan Pelajaran Sabah mempergiatkan lagi rancangan untuk meninggikan akademik guru-guru daripada luar bandar. Pengambilan guru-guru Semenanjung mesti dibuat dengan berhati-hati supaya bukan sahaja prestasi pelajaran akan dapat dipertingkatkan tetapi juga integrasi nasional akan terus tercapai.

Motivasi guru-guru harus dipupuk dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Kementerian harus menimbangkan semula dasar melibatkan perkhidmatan guru-guru Unified Teaching Scheme.
- (b) Guru-guru keluaran Maktab Perguruan tahun 1974, 1975 dan 1976 diberi peralantikan dan diberi pertimbangan yang wajar untuk kenaikan pangkat.
- (c) Permohonan bekas-bekas Pengetua untuk kenaikan pangkat dari Kategori C kepada Kategori C1 dipertimbangkan.

(d) Elaun Perkhidmatan Khas yang cuma melibatkan guru-guru Semenanjung di Sabah hendaklah juga dipanjangkan kepada guru-guru tempatan di Sabah.

(e) Kemudahan-kemudahan yang ditaja oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mestilah melibatkan semua negeri-negeri di Semenanjung termasuk di Sabah.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya sekali lagi saya tegaskan saya menyokong penuh Belanjawan 1984.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Lambir.

6.15 ptg

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan Persekutuan 1984 dan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1983 dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta pegawai-pegawai beliau atas usaha-usaha mereka untuk mengemukakan satu belanjawan yang pragmatik bertujuan untuk:

- (1) memperbaiki dan memperkukuhkan lagi imbalan pembayaran negara.
- (2) memperkemas dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan supaya Belanjawan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan disesuaikan dengan sumber-sumber yang ada.

Tuan Yang Dipertua, dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan beliau telah pun menggariskan langkah-langkah positif yang akan diambil untuk memperbaiki imbangan pembayaran negara kita khususnya tentang bagaimana kita boleh mengurangkan import-import tak ketara. Segala langkah-langkah yang disebutkan adalah amat pragmatik dan harus dipuji. Tetapi saya berasa bahawa kita harus juga menaruh perhatian berat tentang eksport ketara kita dari segi perdagangan antara-bangsa iaitu mengeksplere atau mencari pasaran baru.

Sebagai sebuah negara yang sedang giat maju dengan berbagai-bagai rancangan perindustrian dan diversifikasi ekonomi kita, saya yakin bahawa sudahlah tiba masanya bagi negara kita memperluaskan bidang perdagangan antarabangsa dengan lebih giat lagi.

Negara kita harus memperluaskan lagi eksport-eksport kita keluar negeri bukan sahaja kepada negara-negara maju tetapi juga kepada negara-negara dunia ketiga. Kita tidak seharusnya bergantung kepada bantuan luar oleh kerana kebanyakan bantuan luar adalah tali berikat (string attached). Dengan bertambahnya industri-industri, barang-barang perkilangan akan juga bertambah. Jadi untuk mendapat harga yang lebih baik kita perlu mencari pasaran-pasaran baru.

Sehubungan dengan ini saya berharap Kementerian yang berkenaan kita akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencari pasaran-pasaran baru yang lebih lumayan bagi barangan eksport kita secara bilateral trade.

Perjanjian perdagangan yang dibuat di antara Brazil dan negara kita baru-baru ini untuk membeli minyak mentah

kita hasil dari lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah satu langkah yang positif ke arah ini. Adalah disyorkan bahawa lebih banyak dialog perdagangan di antara negara kita dengan negara-negara sedang maju dan yang kurang maju iaitu dialog Selatan-selatan (South-south Dialogue) harus diadakan.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan perusahaan-perusahaan negara kita saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang tenaga manusia (manpower).

Kini negara kita adalah diambang perindustrian. Oleh yang demikian negara kita memerlukan lebih ramai lagi pekerja-pekerja mahir. Tetapi jika kita membandingkan bilangan pelajar-pelajar yang mengambil kursus-kursus teknik kita dapati hanya sebilangan kecil sahaja yang mengikut kursus tersebut. Misalnya pada tahun 1980 jumlah pelajar yang mengikuti kursus diperingkat Politeknik Kuantan, Politeknik Ungku Omar, Kolej Tunku Abdul Rahman dan Instituti Teknologi MARA ialah 2,585 sahaja dan bilangannya dijangka akan bertambah ke 6,511 pada tahun 1985. Bilangan ini amat kecil jika dibandingkan dengan pendaftaran mahasiswa-mahasiswa untuk kursus-kursus ijazah di kelima-lima universiti-universiti dan Instituti Teknologi MARA iaitu seramai 20,764 pada tahun 1980 dan bilangan ini dijangka akan bertambah ke 29,640 pada tahun 1985. Jika keadaan sedemikian dipindahkan, negara kita akan menghadapi kekurangan pekerja-pekerja teknik yang mahir, yang serius dan sebaliknya akan menghadapi terlalu ramai pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang mempunyai kelulusan akademik.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa salah satu punca import tak ketara yang menyebabkan kekurangan dalam

akaun perkhidmatan, imbalan pembayaran ialah kerana kita membelanjakan wang terlalu banyak untuk belanja di luar negeri. Soalannya ialah mengapakah keadaan begini berlaku? Pada pendapat saya, salah satu sebab utamanya ialah ramai pelajar-pelajar walaupun mendapat keputusan-keputusan yang baik dalam perigkat SPM dan STPM gagal mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka di kolej-kolej atau di universiti-universiti tempatan masing-masing. Misalnya pada awal tahun ini terdapat seramai 26,499 yang berkeelayakan melanjutkan pelajaran mereka di universiti, tetapi universiti-universiti tempatan kita hanya mempunyai tempat untuk kira-kira 6,000 pelajar sahaja.

Untuk Tingkatan Enam terdapat seramai kira-kira 60,000 pelajar yang berkeelayakan, tetapi hanya terdapat 19,500 tempat. Jadi apakah mereka yang gagal mendapat tempat masing-masing di universiti-universiti dan kolej tempatan akan dibuat? Kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran, mereka terpaksa pergi keluar negeri.

Mengikut satu laporan tinjauan untuk Pre-University Study sahaja negara kita membelanjakan setahun sebanyak \$375 juta di luar negeri untuk seorang pelajar kita yang belajar di Britain, Kanada atau Amerika Syarikat, perbelanjaannya ialah kira-kira \$25,000 setahun. Memandangkan begitu besarnya perbelanjaan pelajar kita di luar negeri, saya ingin mengesyorkan bahawa kita harus menggalakkan kolej-kolej swasta ditubuhkan dalam negara kita. Ini adalah juga selaras dengan konsep penswastaan.

Tuan Yang Dipertua, selaras dengan konsep penswastaan (privatisation), saya ingin bercadang bahawa sektor swasta harus digalakkan menjalankan latihan-latihan kemahiran dan

menganjurkan kursus-kursus teknik dan perniagaan bagi kakitangan-kakitangan mereka.

Sebagai satu insentif bagi sektor swasta melatih lebih ramai lagi pekerja-pekerja mahir dan sub-professional, saya suka mengesyorkan bahawa segala perbelanjaan berkaitan dengan latihan diberi pengecualian daripada membayar cukai dan lain-lain tax incentive.

Sebagai satu langkah lagi bagi menambahkan tenaga manusia mahir, teknik pengurusan dan sub-professional, saya juga ingin mengesyorkan sektor swasta dibenarkan membina Institut Politeknik dan diberi pengiktirafan oleh Kerajaan kita. Sektor swasta harus supplement dan complement sektor awam dalam latihan pekerja-pekerja mahir dan tidak seharusnya cuba menarik (pinching) kakitangan-kakitangan terlatih dari sektor awam.

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha kita untuk memperkembangkan, mempelbagaikan dan mempergiatkan ekonomi kita, saya ingin mengesyorkan bahawa lebih banyak perusahaan-perusahaan berorientasikan eksport ditubuhkan dalam negeri kita, misalnya pengeluaran barang-barang yang diperbuat daripada getah, kayu balak dan juga industri prosesan keluaran-keluaran pertanian. Negara kita mempunyai, dengan izin, a comparative advantage in resource-based industry terutama sekali di tempat-tempat yang mempunyai energy resources misalnya Miri, Bintulu dan Terengganu di mana terdapat minyak dan gas, lebih banyak industri-industri yang boleh mengeksploitasikan atau, dengan izin, take advantage of sumber-sumber minyak dan gas harus diadakan di ketiga-tiga kawasan tersebut. Dalam perkara ini, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan kita menwujudkan satu

keadaan pelaburan atau investment climax yang menarik dengan memberi lebih banyak kemudahan-kemudahan infrastruktur, insentif-insentif cukai dan galakan-galakan bagi pelaburan-pelaburan swasta. Langkah-langkah positif harus juga diambil untuk memodenkan dan menyusun semula industri-industri kecil atau small scale industries dalam negara kita.

Sehubungan dengan ini saya ingin mengesyorkan bahawa bank-bank dalam negara kita harus melonggarkan syarat-syarat pinjaman mereka kepada industri tersebut misalnya dikenakan bayaran faedah yang rendah dan memanjangkan tempoh membayar balik pinjaman.

Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan hal banking, saya ingin bercadang bahawa semua bank dalam negara kita harus dikehendaki memberi keutamaan untuk pinjaman dalam negeri memandangkan kekurangan domestic capital untuk pelaburan.

Bank Negara harus mengadakan kawalan-kawalan yang lebih ketat atas bank-bank yang mengeluarkan modal-modal tempatan keluar negeri supaya kes seperti skandal Bank Bumiputra Finance tidak akan berlaku lagi dalam sejarah banking negara kita. Jika semua bank dan badan-badan kewangan kita akan melabur semua modal mereka dalam negara kita, pinjaman dari luar negeri akan dapat

dikurangkan. Ini akan juga membantu negara kita memperbaiki kurangan akaun perkhidmatan kita.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan industri kereta kebangsaan, saya berharap bahawa pengeluaran kereta kebangsaan akan cukup untuk menemui permintaan-permintaan tempatan dan harganya murah daripada kereta-kereta yang dipasang di kilang tempatan (locally assembled cars). Saya juga berharap bahawa standard kereta Kebangsaan kita akan setanding atau lebih baik lagi dari kereta-kereta locally assembled cars.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan beliau ada juga menyentuh tentang satu pembayaran dikenakan ke atas semua kenderaan barang yang mengekalkan negara ini pada kadar \$100 tiap-tiap satu kenderaan bagi tiap-tiap kali ianya meninggalkan negara ini. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin menarik perhatian beliau atas masalah-masalah akan timbul bagi kenderaan-kenderaan barangan dari Bandar Miri ke Brunei

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, minta sambung pada esok hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.